

Dasar Keselamatan Negara 2021-2025



Penerbitan:
Majlis Keselamatan Negara
Jabatan Perdana Menteri



Kandungan

- i. Kata Pengantar Pengerusi Majlis Keselamatan Negara 3
- ii. Kata Pengantar Ketua Pengarah Keselamatan Negara 4
- 1. BAHAGIAN I – Pengenalan 5
- 2. BAHAGIAN II – Nilai Teras Negara 10
- 3. BAHAGIAN III – Konsep Keselamatan Menyeluruh 21
- 4. BAHAGIAN IV – Landskap Keselamatan 29
- 5. BAHAGIAN V – Strategi Memelihara Teras Negara 52
- 6. BAHAGIAN VI – Indeks Keselamatan Kebangsaan 95
- 7. BAHAGIAN VII – Rumusan 98

Kata Pengantar Pengerusi Majlis Keselamatan Negara

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM



Semenjak kemerdekaan Malaysia lebih 64 tahun yang lalu, faktor keselamatan merupakan salah satu tonggak penting yang menjadi asas kepada kejayaan kita mengekalkan kemerdekaan, keamanan dan kesejahteraan negara.

Melalui peranan dan sumbangan Majlis Keselamatan Negara semenjak penubuhannya pada 7 Julai 1971, tadbir urus yang mantap dan padu untuk memelihara kepentingan negara terus disokong dengan dasar yang bersifat realistik, praktikal, inklusif dan akomodatif. Kewujudan suatu dasar yang jitu sudah pasti membolehkan Majlis Keselamatan Negara menerajui pengurusan keselamatan di setiap peringkat pentadbiran kerajaan demi memelihara hak kedaulatan dan keutuhan wilayah serta kepentingan Malaysia di mana sahaja. Justeru Dasar Keselamatan Negara merupakan dasar induk yang memayungi dasar-dasar lain negara. Dasar ini adalah strategi negara di dalam mendepani apa jua cabaran yang mendatang, sejajar pernyataan Falsafah Keselamatan Negara.

Pelbagai bentuk ancaman masa kini yang dicituskan oleh pelaku negara dan bukan negara melalui pendekatan tradisional dan bukan tradisional perlu diuruskan oleh Malaysia melibatkan pelbagai pihak. Kerajaan tidak akan berkompromi dalam hal keselamatan demi memelihara nyawa dan kehidupan setiap insan di bumi bertuah Malaysia. Dasar Keselamatan Negara yang baharu ini membolehkan perancangan strategik untuk mengimbangi hidup dan kehidupan (*life & livelihood*) di perkukuh secara lebih menyeluruh dan bersepadu.

Dasar Keselamatan Negara ini turut memperkenalkan konsep Keselamatan Menyeluruh, ataupun *Comprehensive Security* (COMSEC) iaitu suatu doktrin baru yang bersesuaian dengan persekitaran keselamatan semasa dan tempoh mendatang. Melalui konsep ini, pengurusan keselamatan yang semakin kompleks dapat dikendalikan secara lebih terancang merentas pelbagai aspek dalam negara. Seluruh jentera kerajaan dan segenap lapisan masyarakat perlu memperkukuh Kerjasama dan persefahaman dalam semua aspek, termasuklah pertahanan, keselamatan dalam negeri, sosial, ekonomi, alam sekitar, teknologi, pendidikan serta perihal perundangan. Kita perlu saling lengkap melengkapi untuk memikul tanggungjawab ini demi memastikan rakyat negara ini dapat terus mengecapi nikmat keamanan dalam kita berganding mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Sesungguhnya, **Keselamatan Negara Tanggungjawab Bersama**.

Inilah intipati utama **Dasar Keselamatan Negara 2021-2025**. Semoga Yang Maha Esa memberkati niat murni dan usaha kita ini dan terus memelihara tanah air kita agar terus berdaulat, aman dan sejahtera.

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Ismail Sabri bin Yaakob'.

YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob

Perdana Menteri Malaysia

Disember 2021

Kata Pengantar Ketua Pengarah Keselamatan Negara

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati.

Pengurusan keselamatan negara adalah perihal yang sangat penting kepada kita semua. Setiap dari kita adalah bertanggungjawab memastikan Persekutuan Malaysia terus kekal wujud dengan berdaulat, aman dan sejahtera. Kemerdekaan yang kita kecapai ini, kita warisi dari generasi terdahulu yang berjuang untuk membebaskan negara dari belenggu penjajahan serta ancaman yang mencengkam kehidupan rakyat. Adalah menjadi tanggungjawab kita memastikan suasana yang selamat, harmoni dan makmur ini dapat kita wariskan kepada generasi seterusnya.

Dasar Keselamatan Negara 2021-2025 ini adalah suatu dokumen yang amat penting kepada kita semua. Ia mengandungi pernyataan-pernyataan yang ciri sifatnya adalah untuk kita melihat pengurusan keselamatan negara dalam konteks yang lebih meluas, strategik dan menyeluruh. Ciri sifat pengurusan keselamatan masa hadapan amat bergantung kepada keupayaan ketahanan rakyat, semangat cintakan negara, kesediaan bекorban demi tanah air, penguasaan ilmu dan teknologi serta integrasi pelbagai aspek kehidupan dan hirarki pentadbiran. Sudah pasti, semua ini dilaksana sejajar semangat terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Pembentukan minda keselamatan harus diterap di kalangan setiap rakyat seiring pernyataan Falsafah Keselamatan Negara. Tanggungjawab memastikan kemerdekaan negara ini berkekalan terletak di bahu kita semua. Setiap dari kita mempunyai peranan masing-masing di dalam memastikan Malaysia kekal wujud demi kelangsungan suatu negara yang mulia, bemarkuah dan merdeka. Kita harus terus cakna, berfikiran matang, berpandangan jauh, serta memahami kepentingan keselamatan negara dalam segenap aspek kehidupan. Negara ini milik kita bersama. Rukunegara kita junjung bersama. Kesepaduan setiap anak watan amat penting demi memastikan Persekutuan Malaysia terus kekal berdaulat, aman dan sejahtera.

Semoga semangat pelaksanaan Dasar Keselamatan Negara 2021-2025 ini akan terus membakar semangat cintakan tanah air kepada kita dan generasi yang akan kita wariskan negara Malaysia yang bertuah ini. Mudah-mudahan usaha kita ini diberi pertolongan dan kemudahan oleh Ilahi.

Sekian, Terima Kasih.

YBhg Datuk Rodzi bin Md Saad

Ketua Pengarah Keselamatan Negara


Majlis Keselamatan Negara

Jabatan Perdana Menteri



BAHAGIAN I : PENGENALAN

DASAR KESELAMATAN NEGARA 2021-2025



Keselamatan Negara adalah perkara yang menjadi salah satu intipati penting di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan untuk memastikan keselamatan negara sentiasa menjadi keutamaan dan tiada dikompromi di dalam memberi jaminan berkenaan.

Latar Belakang

Persekutuan Malaysia merupakan sebuah negara berbilang kaum yang mengamalkan sistem pentadbiran berasaskan demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan serta berteraskan kesepaduan rakyat, wilayah, kerajaan, kedaulatan dan pengiktirafan antarabangsa. Kesemua aspek ini dinaungi oleh Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang merupakan undang-undang tertinggi negara ini.

Kerajaan bertanggungjawab untuk memastikan kedaulatan dan keselamatan negara sentiasa dilindungi dan terus dipelihara. Keselamatan negara Malaysia merujuk kepada suatu situasi bebas daripada sebarang ancaman terhadap nilai-nilai teras negara sama ada ianya ancaman dari dalam atau luar negara. Ancaman keselamatan negara sejak tahun 1957 seperti ancaman Parti Komunis Malaya, pencerobohan pengganas Tentera Kesultanan Sulu di Sabah pada 2013, usaha-usaha untuk menjatuhkan Kerajaan di luar daripada proses demokrasi, ancaman militan dan pengganas, perkembangan Revolusi Industri Ke-4, situasi keselamatan siber, krisis pandemik, impak kelesuan ekonomi, serta ancaman global yang pelbagai bentuk memerlukan suatu Dasar Keselamatan Negara yang komprehensif. Aspek keselamatan tradisional dan keselamatan non-tradisional dirangkumkan di dalam dasar ini agar keseimbangan perancangan dan tindakan bersifat inklusif bersesuaian dengan kompleksiti persekitaran keselamatan semasa.

Dasar Keselamatan Negara atau DKN diperkenalkan sebagai dokumen utama dalam menghadapi pelbagai ancaman keselamatan yang semakin dinamik dan kompleks. Melalui DKN ini, pelaksanaan Strategi–Strategi Utama akan dapat memastikan Nilai–Nilai Teras Keselamatan Negara (*National Security Core Values*) dipertahankan seterusnya menjadikan Malaysia bebas dari segala bentuk ancaman, bukan sahaja yang bersifat fizikal, malah juga ancaman bukan fizikal yang mempengaruhi dan merosakkan pemikiran rakyat.



Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia selaku Pengerusi kepada Majlis Keselamatan Negara berperanan besar menerajui pelaksanaan Dasar Keselamatan Negara.

Pernyataan Dasar

“Dasar Keselamatan Negara merupakan satu dasar payung atau teras mengenai keselamatan negara yang komprehensif bertujuan untuk mengekal, melindungi dan mempertahankan nilai-nilai teras keselamatan negara dalam memastikan kelangsungan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat, aman dan sejahtera”

Dasar Keselamatan Negara 2021–2025 (DKN 2021–2025) adalah panduan dan rujukan utama Kementerian–Kementerian dan Agensi di setiap peringkat pentadbiran kerajaan Persekutuan, Negeri dan Daerah di dalam tadbir urus keselamatan negara secara menyeluruh. DKN 2021–2025 adalah pendekatan strategik dalam membentuk hala tuju pengurusan keselamatan negara khususnya dalam tempoh yang dinyatakan. Ia merupakan bukti bahawa Kerajaan sentiasa komited memastikan keselamatan negara terus terjamin dan terpelihara. Lantaran itu, kerjasama rakyat amat diperlukan dalam memberikan sokongan, berganding bahu dan bekerjasama bagi menjamin kelangsungan (*survival*) Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka, selamat dan berdaulat berlandaskan prinsip Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan seperti termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Ianya bukan sahaja untuk masyarakat pada masa kini, tetapi yang lebih utama demi kesejahteraan dan keamanan generasi akan datang.



Majlis Keselamatan Negara merupakan mekanisme pengurusan tertinggi keselamatan negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Mekanisme Majlis Keselamatan Negara berperanan besar di dalam memastikan segala usaha mengurus keselamatan negara dapat dilaksanakan secara teratur, menyeluruh, bersepadu dan berintegrasi.

Dasar Yang Memayungi Dasar-Dasar Lain

DKN 2021–2025 ini akan memperkukuh pelaksanaan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 di dalam persekitaran Rancangan Malaysia ke-12. Ia turut menjadi dasar yang memayungi dasar-dasar khusus berkaitan keselamatan merangkumi di pelbagai Kementerian serta Agensi Kerajaan di peringkat pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Ini termasuklah diantaranya Kertas Putih Pertahanan, Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam dan Kerangka Dasar Luar Malaysia Baharu serta dasar dan strategi lain yang akan digubal kelak.

Pernyataan Dasar ini mencerminkan keseluruhan sembilan nilai teras keselamatan negara mempunyai kesalinghubungan serta saling berkaitan tinggi merentas pelbagai sektor dalam kehidupan masyarakat serta struktur pentadbiran negara. Persekitaran keselamatan semasa dan masa hadapan amat kompleks serta begitu dinamik. Tiada sebarang kementerian dan agensi mampu berhadapan dengan apa juga isu, cabaran dan ancaman tanpa melalui kerjasama serta tindakan yang terselaraskan di setiap peringkat pelaksanaan. Atas faktor ini DKN 2021–2025 menggabungkan jalin aspek keselamatan tradisional dan keselamatan bukan tradisional merentas pelbagai kementerian dan agensi Kerajaan.



Tujuan diperkenalkan Falsafah Keselamatan Negara adalah untuk membolehkan segenap lapisan masyarakat memahami, menghayati dan melaksanakan fungsi tugas masing-masing sebagai warganegara Malaysia. Falsafah Keselamatan Negara ini adalah suatu pernyataan yang ringkas tetapi sarat dengan maksud yang tersurat dan tersirat, suatu iltizam yang kekal relevan sepanjang zaman dihasratkan dapat disemai di dalam sanubari setiap warganegara Persekutuan Malaysia yang cintakan negaranya. Inilah yang wajar disambut oleh setiap pihak sejajar dengan tema DKN2021-2025 melalui slogan “Keselamatan Negara Tanggungjawab Bersama”

Falsafah Keselamatan Negara

“Keselamatan Negara Merupakan Suatu Usaha Berterusan dan Menyeluruh Di Dalam Memastikan Malaysia Kekal Wujud Sebagai Sebuah Negara Yang Berdaulat, Aman dan Sejahtera”


Keamanan merupakan suatu keadaan dimana tiada ancaman yang mengganggu gugat nyawa dan kehidupan rakyat di dalam negara. Suasana yang aman membolehkan aktiviti berkaitan kelangsungan hidup dapat dicapai oleh setiap insan dalam negara. Apabila keadaan aman ini membajai kehidupan rakyat, ia membentuk suasana mekar untuk Malaysia terus berkembang maju dalam segenap aspek. Keamanan negara merupakan asas kepada pengukuhan kemakmuran hidup di Malaysia yang menjadi tunjang kepada negara terus kekal sejahtera sebagai sebuah negara berdaulat dengan institusi-institusi negara terpelihara dengan utuh. Justeru konteks keselamatan negara Malaysia merupakan suatu aspirasi yang bersifat menyeluruh merentas setiap aspek kehidupan tanpa mengira latarbelakang. Adalah menjadi tanggungjawab setiap warganegara Malaysia secara bersama dengan jentera kerajaan memastikan keselamatan negara terpelihara. Keamanan, kesejahteraan dan kedaulatan Persekutuan Malaysia secara berterusan harus dipertahankan melalui daya usaha bersama dibawah naungan Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Keselamatan negara tanggungjawab Bersama. Tujuan diperkenalkan Falsafah Keselamatan Negara adalah untuk membolehkan segenap lapisan masyarakat memahami, menghayati dan melaksanakan fungsi tugas masing-masing sebagai warganegara Malaysia.

BAHAGIAN II : NILAI TERAS KESELAMATAN NEGARA

DASAR KESELAMATAN NEGARA
2021-2025

Nilai Teras Keselamatan Negara

“Nilai-nilai teras keselamatan negara merupakan nilai yang perlu dipelihara, dikekalkan dan diperkukuhkan bagi menjamin kelangsungan Persekutuan Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat, aman dan sejahtera”





Sembilan Nilai Teras Keselamatan Negara

Teras 1 : Kedaulatan dan Keutuhan Wilayah

Kedaulatan negara dan keutuhan wilayah merupakan teras kepada kestabilan dan keselamatan sesebuah negara. Kewujudan Persekutuan Malaysia sepertimana termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan yang merangkumi negeri-negeri *Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Sabah, Sarawak, Selangor, Terengganu, dan Wilayah-Wilayah Persekutuan* hendaklah dipelihara dan dikekalkan.

Persekutuan Malaysia terdiri dari tanah daratan dan sungai, kawasan perairan dan ciri maritim, ruang udara dan angkasa lepas yang membentuk ciri sifat geografi negara ini. Kedaulatan Malaysia turut merangkumi perairan laut wilayah dan hak-hak berdaulat (*sovereign rights*) ke atas zon maritim Malaysia selaras dengan undang-undang antarabangsa yang berkaitan. Pernyataan ini adalah selaras dengan dokumen Peta Baru Malaysia 1979. Kedaulatan Malaysia turut merangkumi kedaulatan di dalam domain siber sejajar perkembangan semasa ketamadunan manusia yang kini berada di dalam Revolusi Industri Ke-4. Kepentingan-kepentingan negara baik di dalam mahupun di luar negara juga merupakan perkara-perkara yang terangkum di dalam kedaulatan negara. Malaysia perlu melindungi dan mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayah serta setiap kepentingan negara dari ancaman dalam dan luar negara.



Sembilan Nilai Teras Keselamatan Negara

Teras 2 : Kestabilan Sosiopolitik

Kestabilan sosiopolitik adalah penting dalam mewujudkan suasana aman dan harmoni di kalangan rakyat Malaysia. Kerajaan bertanggungjawab untuk menjunjung Raja Perlembagaan, demokrasi berparlimen, keluhuran Perlembagaan kedaulatan undang-undang, sistem pentadbiran Persekutuan, menghormati dan menjamin hak-hak asasi rakyat berdasarkan Perlembagaan Persekutuan. Pada masa yang sama, rakyat juga bertanggungjawab untuk menyokong dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memastikan keamanan dan kestabilan negara. Prinsip-prinsip tersebut perlu dihormati dan dipatuhi oleh seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira fahaman politik, agama, etnik, asal usul dan status sosial.

Perubahan pemikiran rakyat merupakan suatu perkara yang harus di lihat dari sudut keupayaan Malaysia mengekalkan nilai-nilai asas negara berdasarkan Perlembagaan Persekutuan. Gelombang perubahan pemikiran disebabkan globalisasi, penggunaan meluas teknologi dan peranti komunikasi, semakin menyebabkan nilai-nilai global menjadi suatu kebiasaan yang telah dinormalisasikan sebagai budaya global. Ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi corak pemikiran dan tindak-tanduk rakyat berdasarkan pemikiran dan persepsi global mahupun pengaruh negara asing dalam kehidupan masyarakat. Ini termasuklah dari aspek pembentukan nilai politik dan nilai sosial yang sebelum ini asing dalam suasana di Malaysia, tetapi telah menjadi trend global.



Sembilan Nilai Teras Keselamatan Negara

Teras 3 : Kesepaduan Nasional

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai etnik, budaya dan agama. Kesepaduan nasional merupakan teras kekuatan dan keselamatan negara. Kesepaduan negara akan terhasil melalui ikatan perpaduan di kalangan seluruh rakyat Malaysia. Dalam hubungan ini, formula perpaduan bagi negara yang mempunyai masyarakat majmuk seperti Malaysia terletak kepada kesatuan rakyat pelbagai kaum untuk hidup saling faham memahami, bertoleransi, menerima kepelbagaian antara satu sama lain dan memahami kontrak sosial yang menjadi tunjang kesepaduan rakyat Malaysia serta menghormati hak-hak asasi manusia berteraskan kepada Perlembagaan Persekutuan. Kesepaduan Nasional turut dicerminkan melalui intergrasi negeri-negeri yang bernaung di dalam persekutuan ini dan membentuk suatu 'Pasukan Malaysia' yang sentiasa sedia memelihara kedaulatan, keamanan dan kesejahteraan negara yang bertuah ini.

Sembilan Nilai Teras Keselamatan Negara

Teras 4 : Tadbir Urus Yang Baik

Tadbir urus yang baik juga merupakan teras penting keselamatan negara. Ia bukan sahaja melibatkan sektor kerajaan tetapi juga swasta. Ini kerana tadbir urus yang baik akan membolehkan sesebuah negara tersebut dapat melaksanakan dasar-dasar yang digubal, mengurus sumber-sumber negara dengan cekap dan berkesan, mendapat pengiktirafan antarabangsa dan memenuhi ekspektasi rakyat. Tadbir urus yang baik antara lain meliputi integriti tinggi, tiada rasuah, jujur, amanah, adil, saksama, telus, bertanggungjawab dan sebagainya





Sembilan Nilai Teras Keselamatan Negara

Teras 5 : Keutuhan Ekonomi

Keutuhan ekonomi bermaksud negara mempunyai ekonomi yang mampan serta berdaya tahan terhadap ancaman-ancaman berkaitan ekonomi dari dalam dan luar negara. Ekonomi yang tidak kukuh akan menjejaskan kestabilan negara akibat kemiskinan, pengangguran dan rasa tidak puas hati di kalangan masyarakat. Keutuhan ekonomi juga melibatkan penyertaan, pemilikan, penglibatan dan penguasaan rakyat Malaysia dalam memastikan kelangsungan ekonomi negara ini. Selain itu, pengukuhan ekonomi dan penambahbaikan keadaan sosial adalah faktor penyumbang kepada pengukuhan tahap keselamatan negara dan kepincangannya berpotensi mengancam keselamatan negara.

Pra-syarat kepada kemakmuran adalah keadaan keamanan yang stabil dan bebas dari ancaman yang boleh mengganggu gugat keselamatan negara. Keseimbangan pembangunan sektor keselamatan dan pertahanan harus seiring dengan pembangunan sektor ekonomi dan sektor-sektor lain. Justeru komitmen di dalam memastikan kemampuan ekonomi negara harus sentiasa dikaitkan dengan jaminan keselamatan negara dapat dijamin untuk kemakmuran setiap pihak.

Sembilan Nilai Teras Keselamatan Negara

Teras 6 : Keadilan Sosial

Keadilan sosial adalah teras penting dalam memastikan keselamatan negara. Perlindungan hak asasi manusia bagi setiap rakyat Malaysia adalah selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang antarabangsa yang dianggotai (dengan reservasi) oleh Malaysia. Semua rakyat Malaysia termasuk dari golongan minoriti hendaklah sentiasa dilindungi dan tiada mana-mana pihak akan dipinggirkan. Nilai teras ini mestilah dipertahankan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dengan mengambil kira taraf kemajuan sosioekonomi kaum-kaum yang berada pada tahap yang berbeza. Oleh itu, dasar-dasar kerajaan dan peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang memberikan pembelaan kepada golongan yang memerlukannya akan terus dilaksanakan. Walau bagaimanapun, prinsip keadilan sosial ini bukanlah landasan bagi mana-mana pihak untuk membuat tuntutan yang keterlaluan sehingga mengancam keselamatan dan kedaulatan negara.





Sembilan Nilai Teras Keselamatan Negara

Teras 7 : Pembangunan Mampan

Pembangunan mampan adalah pembangunan yang memenuhi keperluan semasa serta masa hadapan bagi mencapai keseimbangan pembangunan ekonomi, sosial, demografi dan alam sekitar. Aspek keselamatan perlu diberi keutamaan dalam setiap perancangan pembangunan bagi memastikan kelangsungan sumber-sumber negara, kesejahteraan rakyat dan keperluan generasi akan datang terpelihara. Pembangunan yang tidak seimbang berpotensi menyebabkan ketidakseimbangan ekologi dan demografi negara.

Pembangunan mampan tidak hanya dilihat dari aspek material dan infrastruktur sahaja. Pembudayaan mentaliti yang meletakkan kelestarian alam sekitar dalam pembuatan dasar strategik di pelbagai sektor juga dianggap penting. Komitmen terhadap pendekatan pembangunan mampan harus turut dilihat sebagai suatu cabang keselamatan negara yang rangkaian kebergantungannya saling berhubung kait dengan sektor lain.

Pembangunan mampan juga turut merangkumi bagaimana adaptasi teknologi dapat dikendalikan dengan cekap dan berkesan bagi tujuan menjamin kedaulatan, keamanan dan kesejahteraan setiap pihak yang bernaung di dalam Persekutuan Malaysia.

Sembilan Nilai Teras Keselamatan Negara

Teras 8 : Keselamatan Rakyat

Perkembangan idea dan persekitaran keselamatan dunia menyaksikan perubahan daripada pendekatan keselamatan berpaksikan negara (*state centric security*) kepada pendekatan keselamatan berpaksikan insan (*people centric security*). Kesejahteraan, kebajikan dan hak-hak rakyat Malaysia di bawah Perlembagaan Persekutuan perlu dilindungi dan dijamin oleh Kerajaan. Pada masa yang sama, hak-hak negara juga perlu didukung dan dipertahankan oleh rakyat dengan penuh semangat patriotik dan rasa tanggungjawab terhadap keselamatan dan kelangsungan negara.

Aspek keselamatan insan ditadbir urus secara menyeluruh melalui pengurusan elemen-elemen berkenaan di pelbagai bidang yang merentas sektor dan hirarki pentadbiran serta struktur masyarakat. Melalui tadbir urus keselamatan insan yang cekap kemakmuran yang dikecapi bukan sahaja dinikmati oleh rakyat Malaysia, tetapi akan menyumbang kepada seluruh ketamadunan manusia.



Sembilan Nilai Teras Keselamatan Negara


Teras 9 : Pengiktirafan Antarabangsa

Sikap pragmatik, berprinsip dan berkecuali Malaysia selama ini, telah menjamin pengiktirafan dan kerjasama ekonomi, politik dan keselamatan yang berterusan dengan kuasa-kuasa besar serantau dan antarabangsa. Strategi diplomasi dua hala dan pelbagai hala yang dirangka secara menyeluruh disokong oleh pelaksanaan dasar hubungan luar yang konsisten semenjak kemerdekaan negara telah mewujudkan imej yang positif di peringkat antarabangsa sekali gus menjamin pengiktirafan berterusan terhadap kedaulatan dan kepentingan negara.




BAHAGIAN III : KONSEP KESELAMATAN MENYELURUH

DASAR KESELAMATAN NEGARA
2021-2025



TAKRIFAN KESELAMATAN MENYELURUH

Keselamatan menyeluruh adalah suatu usaha berterusan yang seimbang, bersepadu dan terintegrasi di setiap peringkat pentabiran kerajaan dan struktur masyarakat serta merentas semua bidang bagi tujuan memastikan negara terpelihara dari sebarang ancaman dalaman dan luaran demi menjamin Persekutuan Malaysia kekal berdaulat, aman dan sejahtera.




Konsep Keselamatan Menyeluruh

Dalam mengendali pengurusan keselamatan negara, Malaysia telah melalui pelbagai proses evolusi dalam mengguna pendekatan bersesuaian dengan ancaman dihadapi. Antara konsep dan doktrin yang pernah dan masih diguna pakai adalah KESBAN (Keselamatan dan Pembangunan), HANRUH (Pertahanan Menyeluruh) serta Memenangi Hati dan Minda (*Winning Hearts & Minds*). Kesemua konsep ini terbukti dalam aplikasinya dan masih relevan.

Integrasi Horizontal

Merentas Sektor / Bidang



DOMESTIK
Dalam Negara
(Inward Looking)



ANTARABANGSA
Luar Negara
(Outward Looking)



KERANGKA HAYAT MASA
SEJARAH - SEMASA - JANGKA SEDERHANA - JANGKA PANJANG - GENERASI

Mendepani cabaran baharu, Malaysia harus bersedia menyesuaikan doktrin dan pendekatannya bersesuaian perubahan zaman dan tatalaku peradaban manusia. Justeru konsep Keselamatan Menyeluruh ini bersesuaian dengan keperluan pengurusan keselamatan pada ketika ini. Pengurusan keselamatan semakin kompleks dengan saling kait dan kebergantungan merentas sektoral yang memerlukan tindakan terintegrasi dari aspek dasar, strategi, tindakan operasi dan pengurusan sumber.





Keselamatan Negara Tanggungjawab Bersama

Tanggungjawab pengurusan keselamatan negara tidak lagi didominasi sepenuhnya oleh jentera kerajaan. Setiap pihak harus berperanan sama melaksana tanggungjawab masing-masing bersesuaian dengan fungsi tugas, kepakaran, peranan dan obligasi mereka selaku ahli tetap “Pasukan Malaysia”. Obligasi setiap pihak ini diterjemahkan terhadap komitmen seluruh jentera kerajaan dengan diiringi kerjasama segenap lapisan masyarakat di dalam mendepani apa jua cabaran di dalam pengurusan keselamatan negara. Ini berkaitan rapat dengan:

“Pendekatan Seluruh Jentera Kerajaan dan Segenap Lapisan Masyarakat”

“Whole of Government, Whole of Society Approach”.



Klasifikasi Kategori Elemen yang Membentuk Kepada Pengurusan Keselamatan Menyeluruh

Pertahanan (*Defence*):

tindakan menyeluruh dan bersepadu memelihara kedaulatan Persekutuan Malaysia dari sebarang ancaman geostrategik melibatkan entiti negara asing termasuk proksi dan militia kepada entiti negara asing mahupun entiti tidak bernegara;

Keselamatan Dalam Negeri (*Internal Security*):

tindakan menyeluruh dan bersepadu di dalam memelihara keselamatan masyarakat dari sebarang bentuk tindakan yang melanggar undang-undang Persekutuan Malaysia dan menjejaskan pelbagai sudut kehidupan seharian rakyat;

Ketenteraman Awam (*Public Order*):

tindakan menyeluruh dan bersepadu di dalam mencegah situasi dan tindak-tanduk melampau yang menimbulkan keresahan besar serta mengganggu – gugat kestabilan kehidupan masyarakat;

Keselamatan Politik (*Political Security*):

tindakan menyeluruh dan bersepadu terhadap ancaman mengganggu struktur tonggak Persekutuan Malaysia berdasarkan peruntukan-peruntukan yang dijamin di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia;

Keselamatan Ekonomi (*Economic Security*):

tindakan menyeluruh dan bersepadu terhadap ancaman-ancaman yang menyekat dari berlakunya secara adil, menyeluruh dan seimbang terhadap rakyat dan kepentingan negara di dalam pelbagai sektor dan sub-sektor ekonomi serta rantaian-rantaian aktiviti berkaitan;

Keselamatan Masyarakat (*Societal Security*):

tindakan menyeluruh dan bersepadu terhadap ancaman kepada fabrik sosial masyarakat Malaysia yang majmuk berdasarkan prinsip-prinsip di dalam Rukun Negara;

Keselamatan Kesihatan Awam (*Public Health Safety*):

tindakan menyeluruh dan bersepadu terhadap pengurusan kesihatan umum di dalam negara khususnya di dalam mendepani ancaman bio-sekuriti yang membawa kemudaratan berskala besar kepada masyarakat.

Keselamatan Alam Sekitar (*Environmental Security*):

tindakan menyeluruh dan bersepadu terhadap ancaman-ancaman berkaitan langsung dengan dinamika perubahan persekitaran kehidupan disebabkan perubahan cuaca dan interaksi serta tindak – tanduk manusia dan persekitarannya.

Keselamatan Awam (*Public Safety*):

tindakan menyeluruh dan bersepadu terhadap ancaman-ancaman kepada persekitaran aktiviti kehidupan seharian setiap individu secara khusus serta yang memberi impak kesejahteraan masyarakat secara umum.



Elemen-elemen Keselamatan Menyeluruh

Falsafah Keselamatan Negara diperkukuh ruang lingkupnya berdasarkan Sembilan Nilai Keselamatan Negara yang menjadi teras tunjang di dalam memastikan Persekutuan Malaysia kekal berdaulat, aman dan sejahtera. Sembilan Nilai Teras Keselamatan Negara ini sifatnya merentas pelbagai sektor di setiap hierarki pentadbiran negara. Ia turut mempunyai perspektif domestik dalam negara serta sisi pandang geostrategik antarabangsa. Rangkuman keseluruhan aspek ini diurus secara bersepadu berdasarkan elemen-elemen keselamatan menyeluruh.

Cabaran pengurusan keselamatan masa kini memerlukan tindakan yang terintegrasi, menyeluruh dan seimbang. Ini memandangkan kepelbagaian ancaman yang saling behubung kait dalam pelbagai sektor yang berbeza. Kompleksiti dalam pengurusan ini juga semakin meningkat melibatkan keperluan pengurusan di peringkat tindakan pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, pentadbiran daerah dan pelaksanaan di lapangan.

9

NILAI TERAS
KESELAMATAN
NEGARA


STRATEGIK

OPERASIONAL

TAKTIKAL

Keselamatan
Siber &
Teknologi

Komunikasi
Strategik



Matriks Keselamatan Menyeluruh (Comprehensive Security Matrix) merangkumi rujukan umum terhadap tahap-tahap isu keselamatan berkenaan berdasarkan : strategik, taktikal, operasional serta berkaitan langsung dengan keselamatan siber dan komunikasi strategik. Ianya membantu memperjelas tafsiran menyeluruh dari aspek:

- Integrasi Komponen Vertikal
- Integrasi Komponen Horizontal
- Integrasi Komponen Domestik - Antarabangsa
- Integrasi Pengurusan Kerangka Masa
- Fokus Khas Keselamatan Siber dan Teknologi
- Fokus Khas Komunikasi Strategik



Matrik Keselamatan Negara

Matriks Keselamatan Negara merupakan suatu jadual rujukan umum dari perspektif Keselamatan Negara Malaysia. Ia memberi gambaran tentang kompleksiti pelbagai ancaman dan isu keselamatan merentas sektor (*cross-sectoral*) yang perlu ditangani secara terintegrasi melibatkan pelbagai pihak berkepentingan. Setiap teras negara dipetakan kepada elemen, ancaman dan isu-isu keselamatan tradisional dan non-tradisional yang relevan dengan konteks Malaysia. Konsep Keselamatan Menyeluruh (*Comprehensive Security*) akan lebih jelas difahami melalui penggunaan Matriks Keselamatan Negara. Dalam hubungan ini, elemen, ancaman dan isu keselamatan berkait langsung dengan setiap nilai teras di senaraikan bersesuaian dengan situasi semasa serta unjuran risiko untuk tempoh dari tahun 2021 hingga 2025.


Doktrin pengurusan keselamatan negara di Malaysia juga harus mampu segera mengadaptasi tuntutan semasa bersesuaian dengan Revolusi Industri ke-4. Ini dicerminkan dengan penyenaian perihal berkait rapat dengan teknologi serta keselamatan siber.

Di dalam setiap Nilai Teras Keselamatan Negara, elemen yang sentiasa hadir sejak zaman berzaman adalah tentang kemampuan mengendalikan komunikasi strategik negara untuk menangani sebarang bentuk ancaman dan isu keselamatan. Justeru pendekatan komunikasi strategik juga adalah elemen yang sentiasa ada di setiap sektor keselamatan.

Matriks Keselamatan Negara : Cabaran Pengurusan Keselamatan

Objektif penggunaan Matriks Keselamatan Negara ini adalah agar ia dapat digunakan sebagai suatu rujukan umum bagi mencerminkan di dalam mengurus keselamatan negara, ianya mempunyai ciri sifat:

1. Kompleksiti yang sangat tinggi di dalam mengurus keselamatan negara;
2. Tanggungjawab pelbagai pihak baik oleh jentera Kerajaan mahupun pelbagai pihak dalam masyarakat;
3. Ciri sifat perihal keselamatan tradisional yang masih relevan dengan persekitaran geostrategik keselamatan;
4. Ciri sifat keselamatan bukan tradisional yang semakin mendominasi persekitaran keselamatan domestik dan antarabangsa;
5. Isu, cabaran dan ancaman merentas pelbagai sektor dalam negara;
6. Isu, cabaran dan ancaman bersifat merentas pelbagai struktur hierarki pentadbiran peringkat persekutuan, negeri, daerah dan lapangan;
7. Isu, cabaran dan ancaman bersifat merentas pelbagai peringkat sosiopolitikal dan sosiobudaya dalam masyarakat Malaysia;
8. Saling berkaitan antara tindakan melibatkan pelbagai kementerian dan agensi yang mempunyai bidang kuasa berbeza serta fungsi tugas masing-masing;
9. Kesenambungan tindakan di peringkat dasar, perancangan strategik, tindakan operasional dan pelaksanaan taktikal;
10. Elemen perang saraf dan gerak saraf yang sentiasa hadir di dalam setiap nilai teras keselamatan negara;
11. Persekitaran di dalam tamadun dunia yang sedang melalui fasa Revolusi Industri ke-4, bahawa elemen keselamatan siber berada di dalam segenap aspek kehidupan; dan
12. Pengurusan keselamatan negara memerlukan proses yang teratur, menyeluruh, inklusif, terselaraskan dan terintegrasi melibatkan pelbagai pihak di dalam jentera kerajaan serta pelbagai pihak, baik dari konteks dalam negara mahupun dalam konteks hubungan antarabangsa.



Matriks Keselamatan Negara (National Security Matrix) : Sembilan Nilai Teras Keselamatan Negara & Keselamatan Menyeluruh

9

NILAI TERAS
KESELAMATAN
NEGARA

1



2



3



4



5



6



7



8



9



STRATEGIK
OPERASIONAL
TAKTIKAL

Keselamatan
Siber &
Teknologi

Komunikasi
Strategik

Kedaulatan dan Keutuhan Wilayah	Kestabilan Sosio-Politik	Kesepaduan Nasional	Tadbir Urus Yang Baik	Keutuhan Ekonomi	Keadilan Sosial	Pembangunan Mampan	Keselamatan Rakyat	Pengiktirafan Antarabangsa
Kepentingan Nasional	Perlembagaan Persekutuan Malaysia	Integrasi Nasional	Pencegahan Rasuah dan Pengukuhan Integriti	Nexus Ekonomi-Keselamatan	Kedaulatan Undang-undang	Keselamatan Air	Keselamatan Dalam Negeri	Dasar Luar Malaysia
Ciri-ciri sifat geografi wilayah	Ehwal Raja-Raja Melayu	Kontrak Sosial	Pengurusan Perubahan Nasional	Impak Globalisasi / De-Globalisasi	Sosio-Budaya & Identiti Nasional	Sekuriti Makanan (Food Security)	Ketenteraman Awam	Hubungan Diplomatik Antarabangsa
Pengukuhan Kawasan Negara	Sistem Persekutuan	Kepentingan Persekutuan	Pengurusan Dasar Merentas Sektor	Keutuhan Ekonomi	Kewarganegaraan	Pengurusan Perubahan Iklim	Ekstremisme / Keganasan / Ajaran Sesat / Ideologi Baharu	Komitmen Institusi Antarabangsa
Perisikan / Penyuluhan Perisikan Balas / Penyuhunan Balas	Pengasingan Kuasa	Kepentingan Negeri	Indeks Keselamatan Kebangsaan	Pengurusan Sumber Pendapatan Negara	Hak Asasi Manusia mengikut Perlembagaan	Strategi Pembangunan Revolusi Industri ke-4	Jenayah Berkaitan Gangsterism	Keselamatan Geo-Strategik - ASEAN
Domain Angkasa Lepas	Keselamatan Politik	Semangat Kenegaraan	Pengurusan Sumber Negara	Pengurusan Keselamatan Tenaga	Isu Kumpulan B40, M40 & T20	Infrastruktur Strategik Keselamatan	Jenayah Berkaitan Dadah	Keselamatan Geo-Strategik – Asia Pasifik
Domain Daratan	Demokrasi Berpelembagaan	Perpaduan Masyarakat	Integrasi Dasar & Operasi	Pengurusan Infrastruktur Kritikal Negara	Isu Bandar & Luar Bandar	Projek Pembangunan Keselamatan Khas	Pendatang Asing Tanpa Izin	Keselamatan Geo-Strategik - Antarabangsa
Domain Maritim	Perjanjian Malaysia 1963	Semangat Patriotisme	Peruntukan Belanjawan Sektor Keselamatan	Pembangunan Infrastruktur Negara	Pengurusan Sistem Pendidikan Kebangsaan Secara Menyeluruh	Pembangunan Kapasiti & Kompetensi Nasional	Penguatkuasaan Undang-undang	Konvensyen Antarabangsa Disertai Malaysia
Domain Udara	Keseimbangan Hak Majoriti Dan Hak Minoriti	Sensitiviti Toleransi (&Non-Toleransi)	Pengurusan Teknologi Keselamatan	Pembangunan Sosio-Ekonomi Sempadan	Isu Migran & Migrasi	Impak Pembangunan Bandar & Luar Bandar	Pengurusan Krisis Keselamatan	Komitmen Antarabangsa
Pengukuran & Penandaan Sempadan	Sensitiviti Perkauman	Hubungan Persekutuan-Negeri	Pengurusan Komunikasi Keselamatan	Keutuhan Matawang	Kesetaraan Gender	Perumahan Rakyat & Kemampuan Pemilikan	Pengurusan Pandemik & Keselamatan Kesihatan	Kerjasama Bilateral / Multilateral
Keupayaan Cegah Rintang Komprehensif	Sensitiviti Agama	Hubungan Berbilang Kaum	Pengurusan Teknologi Maklumat	Pemulihan Pasca-Krisis Pandemik	Tingkah Laku Sosio-Budaya	Pemuliharaan Alam Sekitar	Pengurusan Bencana	Pengurusan Keselamatan Sempadan Bersama
Pengukuhan Pengurusan Pintu Masuk Darat, Laut & Udara	Sensitiviti Institusi Negara	Pengukuhan Patriotisme	Akauntabiliti, Kompetensi dan Kapasiti Jentera Kerajaan	Ancaman Ketirisan Hasil Negara	Pemuliharaan Fabrik Sosial	Pengurusan Sumber Asli Negara	Keselamatan Makanan (Food Safety)	Diplomasi Pertahanan
Pengurusan Aset Keselamatan Negara Secara Komprehensif	Membudaya Persekitaran Politik Sihat dan Matang	Perkongsiannya Kemakmuran yang Adil, Menyeluruh & Berkekalan	Pengurusan Peluang Pekerjaan Warga Tempatan	Pemilikan Ekuiti Strategik Negara	Akses Pendidikan Kepada Semua	Memelihara dan Mempertahankan Infrastruktur kritikal negara	Pusat Rujukan Berisiko	Diplomasi Ekonomi
Pencerobohan & Pembolosan Sempadan	Pengurusan Kebebasan Media	Hubungan Berbilang Agama	Sistem Kewangan Kerajaan	Ancaman Penyeludupan	Memelihara Golongan Rentan	Pengurusan CBRNE (Chemical/Biological/Radioactive/ Nuclear/Explosive)	Pengukuhan Kesihatan Minda dan Ketahanan Rakyat	Evakuasi Warganegara di Luar Negara
Peperangan Siber	Pemantauan Media Sosial	Budaya Digital Malaysia	Pengurusan Teknologi Geo-Dataraya	Infrastruktur Digital	Pengurusan Jurang digital	Teknologi Pemusnah / Destructive Technology	Jenayah Siber	Integrasi Komuniti Keselamatan Siber Antarabangsa
Domain Siber dan Elektromagnetik	Pencegahan Berita Palsu	Pemantauan Naratif & Naratif-Balas	Kerajaan Digital	Pengurusan eko-sistem Ekonomi Digital Malaysia	4IR & Impak Sosial, Budaya, Identiti dan Jattidri Malaysia	Akses Digital	Pengurusan Keselamatan Data Menyeluruh	Perundangan Siber Antarabangsa
Pertahanan Siber Aktif (Active Cyber Defence)	Pembudayaan Ruang Siber Yang Sihat dan Selamat	Pengukuhan Minda dan Patriotisme Komuniti Siber	Tadbir Urus dan Pengurusan Berkesan Domain Siber	Ancaman Manipulasi Teknologi Digital	Memperkuhuk Rangka Kerja Perundangan & Penguatkuasaan	Pembangunan Kesedaran, Keupayaan dan Pendidikan	Memperkuhuk Rangka Kerja Perundangan & Penguatkuasaan	Memperkuhuk Kerjasama Global
Gerak Saraf & Perang Saraf	Propaganda & Propaganda-Balas	Operasi Jiwa Murni (Hearts & Minds)	Strategi Komunikasi Kerajaan	Kandungan Digital	Perubahan Corak Sosio-Budaya	Kesedaran Keselamatan Negara	Kesedaran Peranan Masyarakat	Imej dan Status Negara

BAHAGIAN IV : LANDSKAP KESELAMATAN

DASAR KESELAMATAN NEGARA
2021-2025



Landskap Keselamatan : Isu, Cabaran & Ancaman Keselamatan Negara



Mempertahankan Malaysia

Asas kepada memastikan kedaulatan dan keutuhan kewujudan Persekutuan Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat adalah keupayaan untuk mempertahankannya dari sebarang bentuk pencerobohan dan pembolosan oleh kuasa asing dan entiti tidak bernegara. Teras kepada usaha mempertahankan wilayah milik Malaysia adalah keupayaan cegah rintang menyeluruh (*comprehensive deterrence*) yang memerlukan segenap ruang yang menjadi hak dan kedaulatan Malaysia dapat dilindungi. Tanpa keupayaan pertahanan yang ampuh, Malaysia akan berisiko besar akan kedaulatan dan keutuhannya diganggu – gugat oleh pihak asing.

01



Pertikaian Tuntutan Wilayah

Malaysia masih berdepan isu tuntutan bertindih dan pertikaian wilayah darat, maritim dan udara dengan negara-negara jiran serta kuasa-kuasa besar. Pertikaian ini berpotensi menjejaskan hubungan dua hala antara Malaysia dengan negara-negara jiran. Di peringkat serantau, tuntutan bertindih boleh mencetuskan risiko konflik bersenjata sehingga mendatangkan kesan kolateral serantau dan berpotensi menarik campur tangan pihak luar yang berkepentingan sekiranya tidak ditangani dengan sewajarnya.

02



Unjuran Kuasa Negara

Malaysia harus mampu mengekalkan unjuran kuasa (*Power Projection*) di segenap wilayahnya. Ini merupakan suatu tindakan strategik bahawa ia tidak berkompromi dengan sebarang tindakan yang boleh mengganggu-gugat kedaulatan dan keutuhan wilayahnya pada sebilang masa. Pembentukan keupayaan untuk melaksanakan unjuran kuasa harus menjadi keutamaan untuk dibangunkan secara menyeluruh oleh segenap jentera kerajaan dengan sokongan segenap lapisan masyarakat. Hanya melalui unjuran kuasa yang efektif, tindakan mencegah tindak-tanduk mencabar kedaulatan negara dapat dilakukan. Ini merangkumi tindakan dari entiti negara, entiti militia, entiti swasta mahupun gerakan kumpulan tidak bernegara.

03

Landskap Keselamatan : Isu, Cabaran & Ancaman Keselamatan Negara



Pembinaan Keupayaan Kendiri

Untuk memastikan kelangsungan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat, adalah amat penting ia membina keupayaan untuk memastikan mampu berdiri di atas kaki sendiri di dalam mempertahankan segenap ruang daratan, lautan, udara, angkasa dan siber. Pembangunan keupayaan sendiri harus dilaksanakan secara berterusan untuk mengurangkan kebergantungan kepada pihak luar. Pihak industri keselamatan dan pertahanan harus sedia menghasilkan produk-produk keselamatan dengan keupayaan tempatan dan tidak semata-mata menjadi penjual dari sumber luar. Keupayaan sendiri dalam mempertahankan negara dimulai dengan usaha oleh anak watan sendiri.

04



Kerjasama Pertahanan

Malaysia turut menjalin kerjasama strategik di peringkat serantau melalui penglibatan aktif dalam organisasi keselamatan dan pertahanan serantau seperti ASEAN Regional Forum (ARF), *ASEAN Defence Ministerial Meeting* (ADMM), *Five Powers Defence Arrangement* (FPDA) dan sebagainya bagi melindungi kepentingan negara. Kerjasama strategik ini penting untuk membolehkan Malaysia mempunyai pilihan mendapatkan bantuan dan kerjasama sekiranya berhadapan dengan situasi di luar kemampuan negara semata-mata. Pendekatan diplomasi pertahanan (*defence diplomacy*) adalah kunci kepada kerjasama mempertahankan negara dengan bantuan dari negara-negara sahabat.

05



Jenayah Rentas Sempadan

Kedudukan Malaysia yang mempunyai sempadan darat dengan negara jiran dan terletak di laluan strategik maritim iaitu Selat Melaka dan Laut China Selatan menjadikan Malaysia terdedah kepada ancaman bersifat rentas sempadan seperti penyeludupan (manusia, hidupan liar, hasil hutan, dadah, barangan dan senjata), pemerdagangan orang, pelanunan, jenayah terancang, jenayah siber, pengubahan wang haram, jenayah ekonomi dan rompakan di laut dan sebagainya.

06

Landskap Keselamatan : Isu, Cabaran & Ancaman Keselamatan Negara



Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)

Keamanan, kemakmuran dan pertumbuhan ekonomi yang pesat turut menjadi faktor penarik kepada kemasukan Pendatang Tanpa Izin (PATI) Kehadiran PATI ini selain dari memberi implikasi sosial, ekonomi, jenayah, politik dan hubungan diplomasi, ia juga berupaya untuk mengancam ketenteraman dan keselamatan negara. Pembolosan di kawasan sempadan akibat kemasukan pendatang asing tanpa izin adalah ancaman serius kepada keselamatan negara. Aktiviti pemalsuan dokumen adalah aktiviti jenayah serius di kalangan PATI dan boleh menyebabkan kedaulatan negara terganggu gugat dengan keberadaan PATI yang menggunakan dokumen palsu.

07



PATI (Terma Tidak Diiktiraf : "Pelarian / Pemohon Suaka")

Penggunaan terminologi ini dalam dokumen ini tidak bermakna Malaysia menerima konsep pelarian seperti yang ditakrifkan dalam mana-mana dokumen mengenai pelarian termasuklah *Convention Relating to the Status of Refugees* 1951 dan *Protocol Relating to the Status of Refugees* 1967. Namun isu pengurusan "Pelarian" / Pemohon Suaka" yang kehadiran mereka di dalam negara dalam jumlah yang ramai telah menimbulkan pelbagai limpahan masalah yang menyebabkan Malaysia terpaksa mengendali situasi ini sebagai situasi keselamatan negara. PATI (Terma Tidak Diiktiraf "Pelarian / Pemohon Suaka") yang memegang kad UNHCR adalah dianggap Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) berdasarkan undang-undang Malaysia.

08



Pemikiran & Gerakan Pemisahan

Wujudnya Malaysia sejak tahun 1963 terbentuk dari kesepakatan dan persefahaman bersama untuk hidup rukun dan damai sebagai sebuah Persekutuan Malaysia yang berdaulat, aman dan sejahtera. Keutuhan Persekutuan ini perlu dipelihara dari sebarang bentuk pemikiran yang berkelakuan jahat yang menyemai kebencian di kalangan rakyat. Bait-bait sekelompok kecil yang cuba mempengaruhi pemikiran dengan mesej-mesej pemisahan dan pemecahan terhadap kesatuan di dalam Persekutuan Malaysia harus dibanteras dan dicegah sebelum melarat dan memudaratkan kesepakatan yang sekian lama terjalin. Sebarang bentuk gerakan pemisahan adalah suatu tindakan subversif kepada negara

09

Landskap Keselamatan : Isu, Cabaran & Ancaman Keselamatan Negara



Keutuhan Persekutuan Malaysia

Persekutuan Malaysia yang terbentuk sejak tahun 1963 adalah kesepakatan bersama seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang kaum, etnik, agama dan kecenderungan politik. Bersatunya kesemua entiti yang bernaung dan sepakat sebagai suatu negara bangsa. Perbezaan dalam sokongan terhadap politik kepartian tidak boleh dijadikan sebab berlaku pecah belah di kalangan rakyat. Apa jua perbezaan pegangan politik kepartian, ia seharusnya menjadi elemen yang menyuburkan proses demokrasi di Malaysia dan bukan menjadi perkara yang menimbulkan kebencian, perbalahan dan pertelingkahan yang menjurus kepada ketidakstabilan sosiopolitik di dalam Persekutuan Malaysia.


10



Cabaran Terhadap Sistem Demokrasi Negara

Wujud usaha dan gerakan untuk menjatuhkan Kerajaan melalui cara di luar proses demokrasi yang melanggar undang-undang negara. Tindakan ini akan melemahkan institusi negara seterusnya mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara. Perlembagaan Persekutuan Malaysia memberi jaminan terhadap pelaksanaan sistem demokrasi yang akan sentiasa dijunjung dan dipelihara oleh setiap pihak yang memegang amanah ini.

11



Budaya Politik Tidak Sihat

Malaysia merupakan sebuah negara demokrasi yang membenarkan kuasa ditentukan oleh rakyat melalui proses pilihan raya yang adil, telus dan sistematik. Politik kepartian merupakan sebahagian daripada proses demokrasi di Malaysia. Namun ketaksuban dan tingkah laku fanatik ahli, penyokong dan peminat politik kepartian boleh menyebabkan berlaku kegelisahan dan ketidaktenteraman dalam masyarakat. Budaya politik yang menyemai kebencian kaum dan agama perlu dibanteras dan dicegah. Budaya politik yang berlebih-lebihan menyebabkan negara sukar membentuk kesepakatan nasional kerana ketaksuban politik. Rakyat Malaysia harus membudayakan politik yang matang dan sihat demi kelangsungan sistem demokrasi.

12

Landskap Keselamatan : Isu, Cabaran & Ancaman Keselamatan Negara



Menghormati Institusi Negara

Institusi Sultan dan Raja-Raja Melayu adalah elemen tertinggi dalam negara dan dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Institusi ini memayungi sistem demokrasi Raja Berpelembagaan yang menjadi teras kepada pentadbiran negara. Sebarang bentuk ancaman dan tindak tanduk yang mencerminkan penentangan serta penderhakaan kepada institusi ini adalah suatu ancaman kepada teras negara. Ancaman kepada teras negara adalah ancaman langsung kepada keselamatan negara. Institusi Raja Berpelembagaan ini saling berkait rapat dengan segenap lapisan rakyat. Ia saling melengkapi dan saling menghormati. Ini sejajar kandungan Rukun Negara iaitu " Kesetiaan Kepada Raja dan Negara"

13



Hak Islam Sebagai Agama Rasmi Persekutuan

Perlembagaan Persekutuan dengan jelas menyatakan Islam adalah Agama Rasmi Persekutuan. Justeru penting setiap individu yang bernaung di dalam Malaysia menjaga sensitiviti keagamaan dan memelihara kebebasan beragama sebagaimana dijamin di dalam Perlembagaan Persekutuan. Sistem Perundangan Syariah dan pentadbiran berkaitan agama Islam di setiap negeri juga harus dihormati sesuai dengan tarafnya sebagai Agama Rasmi Persekutuan. Kebebasan mengamalkan agama dan kepercayaan lain turut telah dijamin dan ia mencerminkan salah satu teras di dalam Rukun Negara iaitu "Kepercayaan Kepada Tuhan". Justeru amat penting taraf Agama Rasmi Persekutuan ini difahami dan dihormati tanpa prejudis.

14



Menghormati Kesamarataan Hak Rakyat

Malaysia adalah sebuah negara yang terdiri dari masyarakat majmuk dengan pelbagai latar belakang yang berbeza. Perbezaan ini merupakan kekuatan yang membentuk keutuhan negara disebabkan ciri sifat saling melengkapi diantara satu sama lain. Fabrik sosial masyarakat Malaysia terbentuk dari sosio-demografi rakyat yang terdiri dari kelompok Bumiputera dan bukan Bumiputera yang telah disepakati kebersamaannya untuk wujud sebagai sebuah negara bangsa sejak kemerdekaan dicapai. Pada masa yang sama jaminan terhadap kebebasan beragama turut dinyatakan dengan jelas. Amat penting setiap individu memahami dan menghormati akan hak setiap warganegara yang bernaung di bawah Persekutuan Malaysia.

15

Landskap Keselamatan : Isu, Cabaran & Ancaman Keselamatan Negara



Kerapuhan Perpaduan Nasional

Isu-isu yang menyentuh sensitiviti kaum, etnik, agama, kepercayaan dan kebudayaan yang tersebar dengan meluas tanpa sekatan di media sosial masih lagi menjadi punca pergeseran antara kaum di Malaysia yang menjejaskan hasrat negara untuk mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dan progresif. Kerapuhan perpaduan nasional perlu dicegah dari menular. Kesepakatan rakyat perlu terus dibajai agar terus mekar sepanjang zaman demi keamanan dan kestabilan negara.

16



Integrasi Nasional

Kesepakatan nasional memerlukan segenap lapisan rakyat mempunyai kebersamaan fikiran, sikap dan tingkah laku yang membentuk identiti sebagai bangsa Malaysia. Penerimaan kelebihan dan kekurangan masing-masing melalui proses toleransi dalam mengintegrasikan nilai-nilai yang disepakati bersama membolehkan sikap saling menerima antara satu sama lain dapat dilakukan. Sabah, Sarawak, Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan adalah entiti yang membentuk Persekutuan Malaysia yang saling melengkapi.

17



Penguatan Jati Diri Setiap Generasi

Setiap generasi yang hidup di Malaysia terbentuk pemikiran dan sikap berdasarkan persekitaran masa yang dilalui masing-masing. Walaupun zaman berubah, namun asas kepada semangat dan perasaan cinta kepada negara tidak boleh berbeza. Justeru di setiap generasi, proses penguatan jati diri perlu berlaku secara berterusan. Nilai-nilai teras negara yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan serta diperkukuh oleh Rukun Negara perlu terus dijadikan pedoman dalam membentuk jati diri setiap warganegara. Semangat patriotisme relevan sepanjang zaman. Ia harus perlu terus di pupuk untuk dijadikan pegangan setiap generasi.

18

Landskap Keselamatan : Isu, Cabaran & Ancaman Keselamatan Negara



Memerangi Gejala Rasuah

Rasuah merupakan barah dalam masyarakat yang perlu terus diperangi dan dibanteras. Rasuah perlu terus dicegah dari menjadi budaya dan amalan dalam masyarakat. Rasuah adalah anai-anai yang menghakis teras-teras negara dan boleh menjadi punca kepada kejatuhan negara. Amalan rasuah dan salah guna kuasa boleh menyebabkan keselamatan negara terancam akibat dari perbuatan yang menjurus kepada sabotaj kepada setiap strategi negara dalam berhadapan ancaman luaran dan dalaman. Amalan buruk ini tidak sesekali boleh dijadikan perkara normal. Rasuah mesti terus diperangi dan dibanteras. Rasuah jika tidak dibendung akan meruntuhkan negara.

19



Jurang Sosioekonomi

Jurang di kalangan masyarakat sekiranya tidak dirapatkan boleh menarik fabrik sosial yang berpotensi menimbulkan ketegangan dalam masyarakat. Ini merangkumi perbezaan kualiti taraf hidup, akses kepada pendidikan dan perkongsian kemakmuran negara. Sekiranya jurang ini tidak dirapatkan, negara akan berhadapan situasi pelbagai kelompok dalam masyarakat yang hanya memikirkan kepentingan di dalam gelembung masing-masing. Jika ini berlaku, kesepaduan masyarakat akan sukar dibentuk kerana wujud tindak-tanduk yang lahir kerana perbezaan status sosial dan ekonomi. Melalui tadbir urus yang baik, usaha merapatkan jurang ini dapat dicapai.

20



Pengurusan Sumber Negara

Malaysia adalah sebuah negara yang aman, makmur dan dilimpahi pelbagai sumber untuk dinikmati bersama oleh seluruh masyarakat. Tadbir urus sumber negara yang baik membolehkan Malaysia kekal sejahtera untuk didiami melalui perkongsian yang adil, seimbang dan menyeluruh. Sekiranya sumber negara tidak dikongsi dengan adil, seimbang dan menyeluruh, ia boleh merencatkan kestabilan sosio-ekonomi dan sosio-politik dalam negara. Keadaan ini boleh menyebabkan tercetus pergeseran sesama rakyat dan mampu menimbulkan perbalahan dalam negara sebagaimana tercetus di beberapa negara asing. Pengajaran ini harus dijadikan rujukan agar ia dielak dari berlaku di Malaysia.

21

Landskap Keselamatan : Isu, Cabaran & Ancaman Keselamatan Negara



Pemilikan Asing Ekuiti Strategik Negara

Penguasaan terhadap syarikat tempatan yang mempunyai kepentingan strategik negara perlu dikawal dari dikuasai pihak asing yang boleh menyebabkan negara kehilangan kawalan strategik. Keupayaan negara memastikan ekuiti terhadap pemilikan syarikat-syarikat strategik berkepentingan tinggi kepada negara harus menjadi keutamaan untuk mengelak Malaysia terjerumus ke dalam suatu bentuk penjajahan baharu dalam konteks penguasaan ekonomi strategik sama ada segmen domestik mahupun global.

22



Ketirisan Sumber Negara Dalam Transaksi Digital

Persekitaran penggunaan teknologi digital di dalam perdagangan dan peruncitan mampu menjana pendapatan kepada negara. Namun sekiranya tiada mekanisme tadbir urus yang seimbang dengan perkembangan penggunaan teknologi dan transaksi digital, negara akan ketirisan sumber sekiranya tiada mekanisme yang mampan dapat disediakan. Ini terutama melibatkan transaksi peruncitan digital hasil penggunaan aplikasi yang membolehkan perniagaan dan peruncitan secara global semakin menjadi normalisasi baharu dalam budaya jual beli dalam masyarakat.

23



Keutuhan Ekonomi Global dan Ekonomi Domestik

Ekonomi dalam negara tidak hanya bergantung terhadap aktiviti perdagangan dan perniagaan di dalam negara. Aktiviti perdagangan antarabangsa saling berkait rapat dan memberi impak langsung terhadap persekitaran ekonomi domestik. Keseimbangan ekonomi global dan ekonomi domestik penting demi kestabilan sosio-ekonomi Malaysia. Malaysia harus bersedia untuk menyesuaikan persekitaran ekonomi domestik dengan sebarang bentuk impak dari kesan ekonomi global. Ketahanan ekonomi negara adalah amat penting di dalam memastikan negara stabil, seimbang dan mampu terus menjana kemakmuran dan kesejahteraan rakyat

24

Landskap Keselamatan : Isu, Cabaran & Ancaman Keselamatan Negara



Kebergantungan Tinggi Teknologi Digital

Persekitaran semasa dalam kehidupan peradaban manusia ketika ini amat rapat dengan penggunaan teknologi digital di dalam kehidupan seharian. Pelbagai aspek dalam kehidupan masa kini memerlukan penggunaan teknologi digital baik untuk tujuan perhubungan, bekerja, belajar, mengurus niaga, ehwal kesihatan, ehwal perbankan, interaksi komuniti dan pelbagai aktiviti seharian. Kebergantungan tinggi ini memerlukan Malaysia harus sentiasa siaga dan bersedia sekiranya berlaku ancaman terhadap infrastruktur kritikal khususnya daripada sebarang bentuk ancaman keselamatan siber. Sekiranya terjejas, ia akan memberi impak besar kepada kehidupan seharian rakyat dan memberi risiko tinggi kepada keselamatan negara.

25



Tadbir Urus Keselamatan Data & Maklumat digital

Sejajar pembudayaan Revolusi Industri ke-4 dalam ketamadunan manusia, Malaysia turut menuju ke aras tadbir urus digital dalam pelbagai bentuk pentadbiran. Baik pentadbiran kerajaan, pentadbiran sektor swasta, malahan juga pentadbiran diri individu amat bergantung kepada penggunaan data dan maklumat digital. Justeru tadbir urus data dan maklumat digital ini amat penting untuk diperkukuhkan. Ini kerana sebarang bentuk ancaman kepada data dan maklumat organisasi mahupun individu berpotensi menyebabkan krisis yang akan merencatkan kehidupan sosioekonomi. Memperkemas dan memperkukuh keselamatan data dan maklumat digital perlu menjadi keutamaan setiap pihak.

26



Penyeludupan Di Sempadan dan Pintu Masuk Negara

Cukai merupakan salah satu sumber utama pendapatan negara. Aktiviti penyeludupan serta kelemahan pematuhan terhadap integriti, negara kehilangan hasil yang banyak. Ketirisan hasil negara akibat aktiviti penyeludupan yang berlaku di jajaran sempadan negara serta di pintu-pintu masuk negara jika tidak dicegah akan menyebabkan negara kehilangan sumber pendapatan. Ketirisan sumber pendapatan ini akan merencatkan usaha-usaha pembangunan negara dan menyebabkan segala bentuk perancangan kerajaan terbatas. Usaha membanteras penyeludupan harus dipergiat oleh setiap pihak baik entiti kerajaan, pihak swasta dan orang awam.

27

Landskap Keselamatan : Isu, Cabaran & Ancaman Keselamatan Negara



Perlembagaan Sebagai Undang-undang Tertinggi

Perlembagaan Persekutuan Malaysia merupakan undang-undang tertinggi negara yang membentuk acuan kepada negara ini. Melalui Perlembagaan Persekutuan, dengan terang dan jelas bagaimana Malaysia berfungsi sebagai sebuah negara yang mengamalkan prinsip Raja Berperlembagaan. Ia turut mencerminkan pemecahan kuasa kepada segmen perundangan, kehakiman dan eksekutif. Turut terbentuk perihal bagaimana ia berfungsi sebagai sebuah persekutuan yang mempunyai pentadbiran di peringkat persekutuan dan pentadbiran di negeri. Keseluruhan intipati yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan ini adalah jaminan kepada keadilan sosial kepada segenap lapisan masyarakat yang bernaung dan hidup di dalam negara bertuah ini.


28



Aspirasi Rukunegara

Rukun Negara adalah suatu pernyataan yang memperkukuh kandungan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Nilai-nilai yang terkandung di dalam Rukun Negara adalah nilai yang disepakati untuk difahami, dihayati dan diamalkan. Adalah menjadi tanggungjawab seluruh rakyat Malaysia dan warganegara asing yang bernaung di negara ini menjadikan Rukun Negara suatu pedoman dan pegangan. Di mana bumi di pijak di situ langit dijunjung adalah pernyataan tepat bagaimana Rukun Negara ini adalah asas-asas yang dipatuhi bersama. Sebarang bentuk penentangan dan perlekehan kepada Rukun Negara adalah suatu bentuk penentangan terhadap negara.

29



Keutuhan Sistem Perundangan Negara

Keseluruhan sistem perundangan negara adalah suatu elemen yang menjadi harapan, sandaran dan rujukan kepada rakyat di dalam memastikan keadilan terlaksana. Sistem ini harus terpelihara dari sebarang bentuk campur tangan, salah guna kuasa, desakan, hasutan dan celaan. Keadilan dan ketelusan dalam pelaksanaan setiap proses undang-undang di Malaysia menjadi aspek integriti terpenting kepada keseluruhan sistem perundangan negara. Sistem perundangan negara harus dipelihara dan dipertahankan secara menyeluruh meliputi perundangan *Common Law*, perundangan Syariah di setiap negeri serta perundangan Anak Negeri / Adat di Sabah dan Sarawak.

30



Landskap Keselamatan : Isu, Cabaran & Ancaman Keselamatan Negara



Normalisasi Pemikiran Bertentangan Nilai Negara

Semakin berleluasa penyebaran luas naratif-naratif di dalam media sosial yang bertujuan untuk memberikan imej baharu kepada ideologi dan perlakuan negatif untuk diterima umum. Perkara ini perlu dibanteras untuk mengelakkan hakisan dan ketirisan nilai agama, budaya dan norma tempatan Malaysia akibat perlakuan tidak bertanggungjawab ini. Usaha romantisme dan normalisasi ideologi Komunisme, LGBT, Pluralisme, Hedonisme, Ajaran Sesat dan seumpamanya perlu dicegah dari merebak dan merosakkan pemikiran masyarakat.

31



Pusat Rujukan Baharu

Pusat Rujukan Baharu merupakan suatu terma yang mencerminkan pengaruh bersumberkan rujukan dari alam maya berkaitan pembentukan pemikiran baharu yang cenderung kepada menentang norma-norma arus perdana. Penggunaan media sosial serta interaksi di dalam siber membolehkan pelbagai bentuk ideologi, pemikiran, idea, gerak saraf dan perang saraf yang dimanipulasi pelbagai pihak untuk menjayakan agenda masing-masing. Ciri sifat Pusat Rujukan Baharu ini menjurus kepada idea global yang cuba disebar luas ke serata dunia. Ia kerap menjurus pemikiran berhaluan kanan mahupun berhaluan kiri yang ekstrem dan bertentangan norma Malaysia yang menekankan kesederhanaan.

32



Ideologi Bertentangan Agama Rasmi

Penyebaran meluas ideologi baharu mahupun ideologi negatif yang dikitar semula untuk merosakkan pemikiran rakyat mampu menyebabkan ancaman kepada keselamatan negara. Ideologi berteraskan takrifan agama yang dangkal, menyimpang dan menyesatkan boleh mengancam masyarakat. Perbalahan dalam masyarakat akibat fahaman berbeza akibat ketaksuban terhadap satu-satu bentuk pemikiran boleh menyebabkan berlaku pertelingkahan sesama rakyat. Ini termasuk perbuatan khurafat, syirik dan ajaran sesat yang mencemar kesucian agama serta bertentangan amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi pegangan di Malaysia. Ini turut merangkumi usaha memperlekeh institusi agama Islam serta perundangan Syariah.

33



Landskap Keselamatan : Isu, Cabaran & Ancaman Keselamatan Negara



Jurang Akses Pendidikan

Untuk mencapai keadilan sosial, penting akses kepada pendidikan dapat dinikmati semua. Sejalan perkembangan dan penggunaan teknologi, jurang digital antara kelompok yang mempunyai akses penuh serta kelompok yang mempunyai akses terhad akan menyebabkan berlaku perbezaan tahap keupayaan mendapatkan maklumat khususnya bagi tujuan pendidikan. Jurang pendidikan digital disebabkan situasi pandemik COVID-19 juga mengancam usaha merapatkan jurang dalam Pendidikan di kalangan beberapa kumpulan di dalam masyarakat. Masyarakat yang terpinggir dan tercicir jika tidak dipulihkan boleh menjadi sebab kepada sentimen ketidakadilan dan penentangan kepada negara.

34



Budaya Digital & Impak Sosial

Proses globalisasi menjadi lebih pantas dan meluas melalui penggunaan teknologi komunikasi digital yang semakin menyerap di dalam kehidupan rakyat. Kandungan digital dari sumber luar negara melalui penggunaan media sosial dan aplikasi berciri global memberi pengaruh besar terhadap tingkah laku, pemikiran dan budaya masyarakat Malaysia. Keterbukaan menerima maklumat dari sumber luar harus hadir dengan tanggungjawab memelihara nilai dan identiti negara. Justeru di dalam persekitaran global melalui Revolusi industri ke-4, pengukuhan nilai dan jati diri setiap rakyat Malaysia harus diperkukuh. Hakisan nilai dan jati diri akibat impak budaya digital harus dicegah sebelum Malaysia kehilangan identitinya secara berleluasa.

35



Berita dan Maklumat Palsu

Berita palsu, maklumat separa tepat, fitnah dan pembongkaran amat berleluasa sejajar perkembangan teknologi komunikasi digital. Perkara-perkara seumpama ini kerap menimbulkan salah faham, sentimen negatif dan ketegangan dalam masyarakat. Manipulasi berita dan maklumat palsu menyebabkan banyak pihak kerugian baik dari aspek merendahkan imej, mencemar nama baik, menimbulkan fitnah yang akhirnya membawa kecelaruan dalam masyarakat. Kawalan terhadap penularan berita dan maklumat palsu perlu diperkukuh untuk mengelakkan perihal seumpama ini memberi impak kepada keselamatan negara. Cetusan rasa marah, tidak berpuas hati dan pertelingkahan yang wujud akibat penyebaran berita dan maklumat palsu secara berleluasa mampu menggugat kestabilan negara. Setiap individu berhak mendapatkan maklumat yang benar.

36



Landskap Keselamatan : Isu, Cabaran & Ancaman Keselamatan Negara



Perubahan Iklim Sejagat

Kesan daripada pemanasan global menyebabkan perubahan iklim (*climate change*) yang memberi impak terhadap persekitaran pelbagai negara di dunia. Malaysia tidak terlepas daripada ancaman perubahan iklim yang menyaksikan cuaca ekstrem dilalui dengan kesan-kesan langsung terhadap kehidupan seharian. Perubahan iklim merupakan ancaman di seluruh dunia yang sukar dibendung tanpa kerjasama antarabangsa. Namun usaha-usaha di peringkat domestik perlu terus diperkukuh agar impak daripada perubahan iklim terhadap Malaysia dapat dikendali dengan baik melalui perancangan dan persediaan rapi.

37



Kejadian Bencana

Malaysia terdedah kepada bahaya dan risiko bencana alam seperti banjir, taufan, ribut, penyakit berjangkit, wabak, gempa bumi, tsunami, kemarau/El-Nino, tanah runtuh, jerebu, kesan perubahan iklim ke atas kejadian bencana seperti kenaikan paras laut, suhu udara dan darat dan bencana buatan manusia. Kejadian bencana bersifat kompleks dan bermagnitud besar yang berlaku sama ada di dalam atau di luar negara, boleh menjejaskan kehidupan rakyat dan merencatkan perjalanan pentadbiran negara.


38



Kecambahan Nuklear dan Program Pembangunan Senjata

Negara juga terdedah kepada ancaman nuklear termasuklah penggunaan nuklear untuk tujuan peperangan. Kelonggaran elemen kawalan dan tekanan ke atas program nuklear dan senjata pemusnah di kalangan negara pelaku (*state actors*) khasnya negara-negara kuasa besar serta risiko kemalangan di loji nuklear yang boleh mendatangkan mudarat kepada kesihatan penduduk serantau, kehidupan marin dan alam sekitar, di samping potensi kewujudan senjata pemusnah besar-besaran yang berupaya menggugat keamanan serantau.

39



Jaminan Sekuriti Makanan

Kelangsungan penduduk dunia juga bergantung kepada keselamatan sumber makanan. Pertambahan penduduk dunia dan negara meningkatkan lagi permintaan kepada sumber makanan. Kegagalan dalam pengurusan sumber makanan meliputi kesemua komponen dalam rantaian makanan termasuk kesediaan, kestabilan dan kebolehdapatan makanan akan mewujudkan persaingan terhadap sumber makanan dan mewujudkan kebergantungan yang tinggi kepada sumber luar. Jaminan makanan dan keselamatan makanan (*food security and food safety*) perlu menjadi keutamaan dalam memastikan makanan yang mencukupi, selamat, berkhasiat dan sihat untuk rakyat. Keupayaan domestik untuk tujuan ini harus dipertingkatkan untuk mengurangkan kebergantungan dari sumber luar. Adalah penting aspek sekuriti makanan ini bersifat menyeluruh merangkumi ketersediaan, kebolehcapaian, keselamatan makanan dan pemakanan serta kestabilan dan kemampunan sistem makanan.


40



Jaminan Keselamatan Air

Air merupakan elemen penting dalam kehidupan. Sebarang bentuk gangguan dalam bekalan air bersih untuk kegunaan awam dan industri boleh menyebabkan berlaku krisis kepada negara. Kestabilan bekalan air juga penting untuk mengelakkan berlaku keputusan bekalan air yang merugikan negara. Proses memelihara rantaian perkhidmatan penyaluran air bersih adalah menjadi tanggungjawab bersama, baik oleh pihak kerajaan, pihak swasta serta komuniti. Ini kerana air adalah milik semua, dan ia perlu dijamin bekalannya dengan selamat dan mencukupi.

41



Jaminan Keselamatan Tenaga

Dunia hari ini berhadapan dengan ketidaktentuan keselamatan sumber tenaga. Kebergantungan kepada sumber tenaga tradisional yang berasaskan fosil dijangka akan meningkat sehingga sumber tenaga alternatif yang lebih bersih dan murah digunakan secara meluas. Namun, buat masa ini, perebutan terhadap sumber tenaga tradisional berasaskan fosil boleh berlaku dan mencetuskan konflik serantau dan antarabangsa.

42


Landskap Keselamatan : Isu, Cabaran & Ancaman Keselamatan Negara



Ketahanan Krisis dan Bencana

Dalam berhadapan cabaran sewaktu krisis dan bencana, tanggungjawab mengendalikan situasi berkenaan tidak hanya terletak kepada jentera kerajaan semata-mata. Segenap lapisan masyarakat mempunyai fungsi tugas dan peranan masing-masing di dalam secara bersama menggembelng usaha menanganinya. Amat penting segenap lapisan masyarakat membentuk daya ketahanan (*resilience*) dalam berhadapan apa juga bentuk krisis dan bencana.

43



Pandemik & Wabak Penyakit

Mobiliti penduduk dunia dan dalam negara yang lebih mudah dan pantas telah mendedahkan rakyat Malaysia terhadap ancaman kesihatan. Penularan pandemik dan penyakit berjangkit sama ada berpunca dari dalam dan luar negara boleh menjejaskan sosio-ekonomi negara. Penyakit tidak berjangkit pula seperti darah tinggi, kencing manis, sakit buah pinggang, sakit jantung dan lain-lain lagi jika tidak diberi perhatian sewajarnya boleh menyebabkan negara mufliis. Tanpa sistem kesihatan dan sistem sokongan kepada sistem kesihatan yang mampan, negara akan terdedah kepada pelbagai risiko ancaman kesihatan yang boleh mengancam keselamatan negara.

44



Pemulihan Impak Pandemik COVID-19

Krisis pandemik COVID-19 telah memberi impak negatif secara global termasuk kepada Malaysia. Selain impak kesihatan awam, ia turut memberi kesan kepada ekonomi, sosial dan tadbir urus kerajaan. Pemulihan daripada impak pandemik COVID-19 ini akan mengambil masa panjang untuk seluruh dunia keluar daripada permasalahan yang wujud akibat pandemik ini. Kerajaan, sektor ekonomi, sektor sosial dan dan hampir semua individu akan bergelut untuk pulih kembali. Sebarang perancangan untuk kembali pulih daripada kesan pandemik COVID-19 ini memerlukan komitmen daripada semua pihak dengan keseimbangan daripada segi tindakan memelihara nyawa dan tindakan memelihara kehidupan.

45



Jenayah Berkaitan Pengedaran Dadah

Limpahan negatif berkaitan penyalahgunaan dadah adalah aktiviti jenayah kekerasan yang sering hadir bersama dengan aktiviti pengedaran dadah. Ini melibatkan tindak tanduk agresif kumpulan-kumpulan pengedar dadah yang mempunyai rangkaian kerja merentas sempadan. Corak jenayah ini telah mula menunjukkan kecenderungan menggunakan kekerasan melampau termasuk kepada penguat kuasa undang-undang. Melihat kepada corak di luar negara, ia berisiko besar akan menjadi pendekatan yang menjerumus ke arah aktiviti kumpulan jenayah terancang yang tidak teragak-agak menggunakan keganasan sebagai elemen modus operandi dalam pengedaran dadah di rantau ini.

46



Penyalahgunaan Najis Dadah dan Substan

Penyalahgunaan dadah dan substan kekal menjadi ancaman kepada Malaysia khususnya ia memberi impak langsung kepada pelbagai masyarakat. Individu yang terjebak dengan penyalahgunaan dadah turut memberi kesan kepada individu di sekeliling baik keluarga, tempat kerja dan masyarakat. Kesan penyalahgunaan dadah memberi impak negatif bergenerasi serta menyebabkan perlakuan jenayah dan kelakuan yang bercanggah dengan norma biasa. Ia turut memberi impak kepada kerajaan yang terpaksa menanggung kos pemulihan yang memakan belanja besar dan merencatkan daya usaha untuk membangunkan sektor lain.

47



Risiko Kejadian Krisis Negara

Malaysia juga terdedah kepada pelbagai krisis sama ada di dalam ataupun di luar negara termasuklah kesan ekonomi, sosial dan peperangan. Krisis ini berupaya memberi impak secara langsung kepada rakyat sekali gus menjejaskan keselamatan negara. Krisis yang berlaku di luar negara juga boleh menyebabkan berlakunya migrasi tidak terkawal ke negara lain termasuklah Malaysia. Justeru Malaysia harus terus bersedia dan bersiap siaga untuk berhadapan dengan situasi krisis di luar jangka yang berpotensi mengganggu – gugat keselamatan negara. Keupayaan pengurusan krisis negara perlu sentiasa diperkemas khususnya untuk membina minda dan kekuatan rakyat dalam berhadapan situasi krisis, agar tidak panik dan mengambil langkah bertentangan usaha kerajaan.

48

Landskap Keselamatan : Isu, Cabaran & Ancaman Keselamatan Negara



Keselamatan Siber

Penemuan dan perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah meningkatkan kebergantungan kepada teknologi ini yang turut membuka ruang kepada risiko ancaman keselamatan siber. Sifat dimensi ruang siber yang luas tanpa sempadan dengan akses mudah dan mampu dimiliki serta berciri ketanpanamaan telah meningkatkan lagi risiko ancaman-ancaman serangan terhadap infrastruktur maklumat kritikal negara, penyalahgunaan internet, kegiatan perisikan/espionaj siber dan sebagainya. Trend serangan dan insiden keselamatan siber yang berlaku kini semakin meningkat dengan impak yang sukar diramal.

49



Salahguna Teknologi Kritikal

Revolusi Industri ke-4 hadir bersama dengan pelbagai bentuk penggunaan teknologi baharu yang mendatangkan manfaat kepada tamadun manusia. Namun sesetengah teknologi yang memberi manfaat turut boleh disalah guna bagi tujuan yang mampu memberi kemudaran besar kepada masyarakat umum. Teknologi baharu yang hadir dalam bentuk penggunaan sistem digital, perkakasan elektronik, peranti robotik, perisian aplikasi telefon pintar, mesin dijana kecerdasan buatan, teknologi bio, teknologi nano dan seumpamanya, boleh disalah guna jika tiada kawal selia yang jitu dilaksanakan.

50




Ekstremisme & Tindakan Keganasan

Isu keganasan antarabangsa terus menjadi ancaman global yang memberikan impak langsung kepada keselamatan Malaysia. Elemen-elemen ekstremisme dan keganasan yang menyusup masuk ke dalam negara serta penglibatan rakyat Malaysia dalam aktiviti keganasan di dalam dan luar negara, boleh mencetuskan kekacauan dan menggugat keamanan negara.

51


Landskap Keselamatan : Isu, Cabaran & Ancaman Keselamatan Negara



Pemalsuan Dokumen Kritikal

Pemalsuan dokumen rasmi kerajaan menyebabkan pelbagai bentuk perilaku jenayah serta memberi impak kepada keselamatan negara. Pemalsuan pasport, dokumen pengenalan diri, sijil akademik dalam pelbagai bentuk dan format baik bercetak mahupun digital yang tidak dikawal akan memberi impak langsung kepada keselamatan negara.

52



Kebocoran Maklumat & Dokumen

Pelbagai bentuk dokumen rasmi terperingkat yang tersedia dalam bentuk bercetak, storan analog serta format digital terdedah kepada kebocoran yang boleh menyebabkan negara berhadapan situasi kehilangan kepentingan negara, kebocoran rahsia kerajaan, serta penyebaran luas maklumat yang tidak sepatutnya dikongsi kepada pihak yang tidak berkenaan. Kebocoran maklumat dan dokumen individu turut memberikan kesan sosial dan ekonomi di kalangan masyarakat dan merupakan ancaman langsung kepada setiap individu selain pihak kerajaan dan badan swasta.

53



Jenayah & Penipuan Siber

Perilaku jenayah dan penipuan siber mengancam pelbagai aspek kehidupan, khususnya dari sisi sosial dan ekonomi. Kerugian akibat penipuan, *scam*, pemalsuan transaksi dan seumpamanya telah menyebabkan negara kerugian berbilion ringgit. Penggunaan teknologi komunikasi digital dan peningkatan transaksi atas talian menyebabkan risiko tinggi pelbagai pihak terdedah kepada perilaku jenayah dan penipuan siber.

54



Landskap Keselamatan : Isu, Cabaran & Ancaman Keselamatan Negara



Komitmen Antarabangsa Malaysia

Malaysia kekal komited untuk terus bergerak aktif dan memainkan peranannya di peringkat antarabangsa terutamanya dalam memperjuangkan isu yang mempunyai impak langsung ke atas negara. Dalam hal ini, Malaysia akan sentiasa bersifat proaktif dengan menekankan isu yang hendak diberikan penekanan/ fokus serta pendekatan sesuai yang boleh diambil ke arah mencapai matlamat tersebut. Selain itu, penyertaan negara dalam operasi pengaman dan rehabilitasi pasca konflik di pelbagai negara yang terjejas akibat kancah perang, konflik dalaman dan bencana juga telah mengukuhkan persepsi terhadap peranan dan keprihatinan Malaysia sebagai pemain global.

55



Penglibatan Aktif Pertubuhan Antarabangsa

Komitmen negara dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Komanwel, G-15, G-77 serta pertubuhan - pertubuhan antarabangsa lain dalam menangani isu-isu strategik global telah meletakkan Malaysia selaku negara sahabat yang boleh dipercayai dan disegani di peringkat antarabangsa. Melalui penglibatan aktif Malaysia dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa, dasar dan kepentingan negara dalam isu keselamatan dapat diketengah dan dipertahankan.

56



Malaysia dan Hubungan Jiran Tetangga

ASEAN adalah tumpuan utama dalam dasar Malaysia akan terus memperkukuh hubungan dan kerjasama dengan negara jiran tetangga (*immediate neighbours*) dengan semangat ASEAN menjadi teras kepada mewujudkan suasana yang kondusif untuk kemakmuran bersama. Mekanisme *General Border Committee Malaysia-Indonesia* dan *General Border Committee Malaysia-Thailand* kekal menjadi platform pembinaan keyakinan dengan Kerjasama unilateral yang matang dan telah banyak memberi manfaat kepada setiap negara. Hubungan erat kepimpinan Malaysia dan Brunei juga diterjemahkan dengan keakraban rakyat kedua - dua negara yang begitu aktif baik dari aspek sosial mahupun ekonomi. Hubungan dengan negara Filipina terjalin baik dan telah memberi manfaat dan kestabilan dalam hubungan antara dua negara. Malaysia kekal komited memastikan suasana aman dan makmur dapat kekal mekar dengan jiran-jiran tetangganya.

57

Landskap Keselamatan : Isu, Cabaran & Ancaman Keselamatan Negara



Komitemen Malaysia Kepada ASEAN

ASEAN adalah tumpuan utama dalam dasar luar Malaysia. Sebagai salah sebuah negara pengasas ASEAN, Malaysia menyokong penuh dan berpegang teguh kepada prinsip-prinsip asas yang terkandung dalam Piagam ASEAN seperti menentang penggunaan kekerasan, tidak campur tangan dalam politik dalaman negara anggota serta mengutamakan penyelesaian pertikaian secara aman sebagai kunci utama dalam mengekalkan keamanan, kestabilan dan kemakmuran di rantau ini. Komitmen ini bertujuan untuk memelihara kepentingan strategik negara. Malaysia perlu memanfaatkan kedudukannya sebagai pemain utama peringkat serantau dengan memacu ASEAN ke arah “win – win situation” terutamanya dalam konteks jalinan hubungan ASEAN dengan semua kuasa besar dunia demi manfaat serantau.

58



Memanfaatkan Solidariti ASEAN

Malaysia harus bijak untuk bergerak di bawah platform ASEAN bagi meluaskan lagi (*amplify*) kepentingan negara. Apatah lagi kebanyakan kuasa besar dunia menjalin hubungan dengan ASEAN secara rapat di bawah pelbagai platform seperti ASEAN Regional Forum (ARF), ASEAN plus Three (APT) dan East Asia Summit (EAS). Malaysia harus akur bahawa situasi serantau dan global kini adalah tidak menentu dan akan terus berubah dalam masa terdekat disebabkan pandemik COVID-19, persaingan kuasa besar yang berlanjutan termasuk di Laut China Selatan dan hala tuju kepimpinan global oleh Amerika Syarikat.

59



Memperkasakan Kredibiliti Malaysia

Malaysia perlu dilihat sebagai pemimpin dan negara sahabat yang berkaliber di dalam pelbagai aspek – politik – keselamatan, ekonomi, sosiabudaya – bagi melonjakkan profil dan imejnya di persada antarabangsa. Strategi ini harus menjadi salah satu elemen utama bagi Malaysia untuk mencorak dasar negara bagi beberapa dekad yang akan datang dengan mengambil kira kepimpinan dan peranan Malaysia yang semakin meningkat di peringkat serantau dan antarabangsa.

60

Landskap Keselamatan : Isu, Cabaran & Ancaman Keselamatan Negara



Interaksi Negara Kuasa Besar

Negara-negara seperti Amerika Syarikat, Republik Rakyat China (PRC), Perancis, Rusia, United Kingdom, Jepun, negara-negara Kesatuan Eropah dan beberapa negara lain merupakan negara-negara yang mempunyai kepentingan strategik kepada Malaysia dan rantau ini. Negara-negara ini penting kerana mempunyai keupayaan untuk mencorakkan persekitaran politik dan ekonomi antarabangsa dengan cara ketenteraan selain kekuatan ekonomi dan teknologi bagi meluaskan pengaruh politik serta memenuhi kepentingan mereka.

61



Interaksi Negara Kuasa Pertengahan

Malaysia melihat kepada peri penting hubungan diplomatik, ekonomi, sosial dan pertahanan dipupuk di kalangan negara-negara yang disifatkan sebagai negara kuasa pertengahan. Turki, India, Australia, Kanada, Republik Korea Selatan, Pakistan, Arab Saudi dan negara-negara Rantau Teluk memberikan keseimbangan positif kepada kestabilan rantau Asia Tenggara serta memberi manfaat besar dalam pelbagai bidang kepada Malaysia. Keseimbangan dalam hubungan ini menepati kesederhanaan Malaysia dalam mencorak Dasar Luar yang bersifat inklusif dan berkecuali.

62



Imej & Reputasi Negara Di Persada Antarabangsa

Pengkiktirafan antarabangsa adalah penting kepada semua negara termasuk Malaysia. Imej dan reputasi Malaysia di persada antarabangsa perlu sentiasa dicerminkan sebagai positif, progresif, dinamik dan berdiplomasi. Usaha membentuk imej Malaysia yang diterima dan disenangi masyarakat antarabangsa harus dipergiat agar negara kekal relevan dalam persekitaran geo-strategik keselamatan serta memberi pulangan kemakmuran sosioekonomi negara.

63


Landskap Keselamatan : Isu, Cabaran & Ancaman Keselamatan Negara



Pengaruh Globalisasi

Globalisasi merupakan suatu proses berterusan dan dinamik. Atas faktor ini sebarang bentuk perubahan di dalam geopolitik dunia akan pasti memberi kesan besar kepada negara. Malaysia harus bersedia lebih bersifat lincah (*agile*) dan versatil bersesuaian dengan perubahan yang akan mempengaruhi persekitaran soipolitik, sosioekonomi dan sosio keselamatan di peringkat domestik akibat pengaruh globalisasi. Revolusi industri Ke-4 mempercepatkan proses globalisasi ditambah situasi pandemik COVID-19 yang mempertingkatkan kadar penggunaan teknologi komunikasi digital yang semakin meluas di kalangan masyarakat dunia.

64



Gerakan De-Globalisasi

Pergerakan geo-politik dan geo-keselamatan dunia juga mempunyai dinamika tinggi. Usaha memperkukuh kepentingan dan keutamaan negara masing-masing khususnya oleh negara kuasa besar ataupun blok-blok kesatuan antara negara membawa kepada tatakelakuan mempertahankan kepentingan sendiri (*self-protectionism*). Ini akan menjurus kepada sikap mementingkan negara sendiri dan/atau blok gabungan negara-negara yang bersepakat mempertahankan kepentingan masing-masing. Situasi ini akan menyebabkan negara lain, termasuk Malaysia akan berhadapan situasi tidak diberi keutamaan malahan disisihkan secara sistematik dalam pelbagai inisiatif seumpamanya.

65




Pertembungan Tamadun

Persekitaran Geo-Politik dunia masih berkisar terhadap isu-isu yang telah sekian lama membentuk percaturan politik dunia. Ia masih banyak berkaitan rapat dengan perbezaan pegangan agama dan budaya berkaitan agama. Impak pertembungan akibat perbezaan nilai-nilai agama akan kekal menjadi risiko kepada pertelingkahan di antara negara serta melibatkan proksi-proksi kepada negara yang mempunyai asosiasi dengan agama tertentu. Pertembungan tamadun ini perlu diberi perhatian agar Malaysia sentiasa cakna dengan persekitaran yang mempengaruhi perhatian masyarakat dunia.

66

BAHAGIAN V : STRATEGI MEMELIHARA TERAS KESELAMATAN NEGARA

DASAR KESELAMATAN NEGARA
2021-2025



Kompleksiti pengurusan keselamatan negara memperlihatkan begitu banyak isu, risiko dan potensi ancaman memerlukan peryataan pembentukan, pelaksanaan dan naziran yang bersifat merentas sektor di setiap hirarki tadbir urus negara. Dinamika persekitaran keselamatan semasa dan masa hadapan memerlukan integrasi dasar, strategi, pelan tindakan, pelaksanaan, naziran dan penambahbaikan dapat dilaksana secara berterusan, menyeluruh dan bersepadu. Melalui integrasi keseluruhan proses ini, objektif memelihara kedaulatan, keamanan dan kesejahteraan negara dapat dilaksana. Tiada suatu strategi mampu terdiri tanpa penglibatan pelbagai pihak. Justeru di dalam pembentukan setiap strategi yang dinyatakan, ia sudah pasti memerkuh pelbagai teras keselamatan negara secara kolektif.

Pernyataan Strategi

INTEGRASI STRATEGI MERENTAS TERAS

Strategi-strategi yang dinyatakan di dalam Dasar ini adalah bertujuan untuk memelihara sembilan nilai teras keselamatan negara secara menyeluruh dan bersepadu. Melalui pernyataan-pernyataan strategi ini, rangka kerja dan tindakan susulan berkaitan perlu disambut oleh peneraju-peneraju bidang berkenaan. Setiap strategi yang dinyatakan mencerminkan bahawa ia akan memperkuh pelbagai teras keselamatan negara atas sifat saling berhubung kait merentas sektor dan hierarki dalam mendepani ancaman dalaman mahupun luaran. Strategi-strategi yang dinyatakan juga memperlihatkan keperluan membentuk saluran masa yang diujarkan bersesuaian dengan perancangan dan pendekatan yang diambil oleh peneraju setiap bidang.

Atas sifat dasar ini sebagai dasar induk yang memayungi dasar dan strategi merentas pelbagai institusi, pernyataan umum strategi-strategi ini membolehkan fleksibiliti dan dinamika yang tinggi sifatnya disediakan. Ini untuk membolehkan ia secara progresif mampu dilaksana dengan praktikal, realistik dan seimbang. Setiap pernyataan strategi ini akan memperkuh pelbagai teras keselamatan negara secara serentak. Ini mencerminkan integrasi menyeluruh di dalam memastikan DKN2021-2025 dapat dilaksanakan dengan bersepadu merentas hirarki dan sektora.

Adalah menjadi tanggungjawab seluruh jentera kerajaan dan segenap lapisan masyarakat menyambut pelaksanaan strategi-strategi yang dinyatakan ini berdasarkan fungsi tugas dan tanggungjawab masing-masing.



Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 1 : Mendukung Perlembagaan Persekutuan

Meningkatkan penghayatan, menghormati, dan mendukung prinsip-prinsip yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan demi kestabilan dan kesejahteraan negara. Dukungan kepada Perlembagaan Persekutuan ini turut diterjemahkan melalui taat setia kepada institusi negara yang dipayungi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong serta Institusi Sultan dan Raja Melayu.

Peneraju Tindakan

Seluruh Institusi Negara
Seluruh Jentera Kerajaan
Segenap Lapisan Masyarakat

Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 2 : Memelihara Kedaulatan

Wilayah

Meningkatkan kawalan di wilayah negara termasuk kawasan-kawasan strategik di darat, maritim, dan udara bagi melindungi, mempertahankan serta memperkukuh kedaulatan negara daripada sebarang ancaman



Peneraju Tindakan

Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri
Kementerian Pertahanan dan Agensi dibawahnya
Kementerian Dalam Negeri dan Agensi dibawahnya
Kementerian Luar Negeri
Angkatan Tentera Malaysia
Polis Di Raja Malaysia
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 3 : Memperkukuh Keutuhan Wilayah

Mempertahankan keutuhan wilayah dan kawasan sempadan Malaysia yang masih terdapat tuntutan bertindih sama ada di laut, daratan mahupun udara selaras dengan peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan melalui perundangan, pemantauan dan rondaan di kawasan tersebut bagi memastikan keutuhan wilayah negara sentiasa terpelihara dan mengelakkan kehilangan kawasan tersebut pada masa akan datang sekiranya perkara ini dibawa ke pengadilan antarabangsa.

Peneraju Tindakan

Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri
Kementerian Pertahanan dan Agensi dibawahnya
Kementerian Dalam Negeri dan Agensi dibawahnya
Kementerian Luar Negeri
Angkatan Tentera Malaysia
Polis Di Raja Malaysia
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
Jabatan Peguam Negara
Jabatan Ukur dan Pemetaan



Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 4 : Memperkasa Keupayaan dan Kesiagaan Pertahanan dan Keselamatan

Memperkasakan pertahanan dan keselamatan negara dari segi keupayaan dan kesiagaan. Pameriksaan ini adalah untuk mengimbangi keupayaan pertahanan dan keselamatan negara serantau selain berperanan sebagai elemen cegah-rintang menyeluruh (*comprehensive deterrence*). Industri pertahanan dan program penyelidikan pertahanan dan keselamatan juga perlu ditingkatkan bagi mengurangkan kebergantungan kepada teknologi luar.

Peneraju Tindakan

Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri
Kementerian Pertahanan dan Agensi dibawahnya
Kementerian Dalam Negeri dan Agensi dibawahnya
Angkatan Tentera Malaysia
Polis Di Raja Malaysia
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
Agensi Keselamatan Siber Negara, MKN, JPM




Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 5 : Menguasai Bidang Teknologi Kritikal

Persekitaran keselamatan masa kini dan masa hadapan amat berkait rapat dengan penggunaan teknologi tinggi yang memerlukan keupayaan pengurusan teknologi yang mampan dan berterusan. Penguasaan teknologi kritikal khususnya dalam bidang keselamatan amat penting untuk membolehkan Malaysia mempunyai keupayaan untuk mengendali secara menyeluruh apa juga sistem keselamatan dan pertahanan yang menjadi nadi kepada mempertahankan negara dari sebarang ancaman.

Peneraju Tindakan

Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Kementerian Kesihatan Malaysia dan Agensi Dibawahnya
Kementerian Pertahanan Malaysia dan Agensi Dibawahnya
Kementerian Dalam Negeri dan Agensi Dibawahnya
Kementerian Pengajian Tinggi
Agensi Keselamatan Siber Negara, MKN, JPM
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
Institut-institut Penyelidikan Kerajaan
Institut Pengajian Tinggi
Sektor Swasta



Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 6 : Memperkasa Industri Keselamatan

Malaysia harus memperkukuh Langkah-Langkah membina keupayaan domestic di dalam menghasilkan produk-produk keselamatan. Kebergantungan terhadap produk keselamatan dari sumber luar negara harus dikurangkan. Pembinaan keupayaan sendiri ini memerlukan sokongan dan komitmen berterusan dari setiap pihak. Entiti kerajaan dan entiti swasta harus lengkap – melengkapi demi mencapai objektif ini. Industri keselamatan tempatan harus mampu mendokong sektor pertahanan, keselamatan dalam negeri, ketenteraman awam, pengurusan bencana, pengurusan keselamatan kesihatan, keutuhan sosial serta keselamatan siber.

Peneraju Tindakan

Kementerian Pertahanan Malaysia dan Agensi Dibawahnya
Kementerian Dalam Negeri dan Agensi Dibawahnya
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Kementerian Pengajian Tinggi
Agensi Keselamatan Siber Negara, MKN, JPM
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
Unit Perancang Ekonom
MIGHT
STRIDE Kementerian Pertahanan
Institut-institut Penyelidikan Kerajaan
Institut Pengajian Tinggi
Sektor Swasta



Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 7 : Memperkukuh Sumber Manusia Negara

Aset terpenting negara adalah sumber manusia dari kalangan rakyatnya sendiri. Setiap warganegara Malaysia mempunyai peranan dan tanggungjawab berdasarkan fungsi tugas masing-masing di dalam memelihara keselamatan negara. Pembentukan kapasiti dan kompetensi sumber manusia yang menjadi aset kepada negara ini perlu dibentuk dari peringkat awal. Pengukuhan sistem pelajaran yang menjurus kepada pengukuhan patriotism akan membolehkan pelaksanaan pembudayaan keselamatan menyeluruh untuk manfaat generasi sekarang dan generasi masa hadapan.

Peneraju Tindakan

Kementerian Sumber Manusia
Kementerian Belia dan Sukan
Kementerian Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Tinggi
Jabatan Perkhidmatan Awam
Institut Tadbiran Awam Malaysia
Institut dan Pusat Latihan Kerajaan
Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta
Sektor Swasta
Komuniti Masyarakat
Seluruh Warganegara Malaysia



Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 8 : Memperkukuh Jaringan Perisikan

Memperluaskan bidang perisikan dan memperkukuhkan jaringan komuniti perisikan bagi perkongsian dan penyaluran maklumat strategik yang tepat dengan pantas. Maklumat perisikan juga perlu diintegrasikan dan diselaraskan bagi membolehkan perancangan dan tindakbalas berkesan diambil dalam mempertahankan kepentingan negara. Sebarang usaha subversif yang mampu menggugat kestabilan terhadap sistem dan institusi negara perlu ditangani dan dicegah daripada meresap dalam masyarakat. Perlakuan-perlakuan jahat terutama yang bersadurkan ideologi berhaluan kiri adalah ancaman kepada kestabilan fabrik sosial dalam negara yang boleh meruntuhkan asas-asas utama Persekutuan Malaysia.

Peneraju Tindakan

Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri
Kementerian Pertahanan dan Agensi dibawahnya
Kementerian Dalam Negeri dan Agensi dibawahnya
Angkatan Tentera Malaysia
Polis Di Raja Malaysia
Bahagian Penyelidikan
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia



Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 9 : Memperkukuh Pengurusan Migrasi Tidak Teratur

Melaksanakan pengurusan secara menyeluruh terhadap Pendatang Asing Tanpa Izin yang melanggar perundangan negara selaras dengan pendirian Malaysia dan peruntukan undang-undang dalam Akta Imigresen 1959/1963, Akta Pasport 1966 serta peraturan-peraturan imigresen yang berkaitan. Ini melibatkan aspek kawalan sempadan, penguatkuasaan undang-undang, penahanan dan proses penghantaran pulang. Usaha memperkukuh proses dokumentasi berdasarkan peruntukan di bawah undang-undang Malaysia akan terus diperkemas dan ditambah baik secara holistik. Usaha membanteras aktiviti pemerdagangan manusia serta penggunaan buruh paksa dalam industri tempatan perlu ditangani. Selain dari itu keberadaan institusi dan organisasi antarabangsa berkaitan ehwal ini akan terus di kaji dari semasa ke semasa sejajar dengan kepentingan negara yang perlu diberi keutamaan.

Peneraju Tindakan

Kementerian Dalam Negeri dan Agensi Dibawahnya
Kementerian Sumber Manusia
Majlis Keselamatan Negara, Jaabtan Perdana Menteri
Jabatan Peguam Negara
Jabatan Imigresen Malaysia
Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah / Labuan)
Setiap Kerajaan Negeri
Pihak Berkuasa Tempatan





Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 10 : Memperkukuh Keupayaan Pasukan Keselamatan

Adalah penting usaha mempertingkatkan kapasiti dan kompetensi pasukan keselamatan dan penguatkuasaan dilakukan secara berterusan. Ini sejajar dengan penambahan bidang tugas serta kompleksiti dalam mendepani cabaran pengurusan keselamatan negara. Penggunaan teknologi baharu, penggunaan sistem yang terbukti berkesan, pengurusan logistik yang mampan, pendedahan kepada strategi dan taktik keselamatan terkini mampu mempertingkat keberkesanan dalam melaksanakan tugas.

Peneraju Tindakan

- Kementerian Pertahanan dan Agensi Dibawahnya
- Kementerian Dalam Negeri dan Agensi Dibawahnya
- Kementerian Kewangan
- Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi
- Unit Perancang Ekonomi

Strategi Memelihara Teras Negara


Pernyataan Strategi 11 : Memperkukuh Sistem dan Institusi Negara

Memperkukuh penerimaan rakyat terhadap sistem Demokrasi Berparlimen, Raja Berpelembagaan dan institusi negara berteraskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Prinsip Rukun Negara yang menjadi tunjang kestabilan sosio-politik negara.



Peneraju Tindakan

Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Kementerian Perpaduan Negara
Kerajaan-kerajaan Negeri
Bahagian Hal-Ehwal Undang-undang, JPM
Jabatan Peguam Negara



Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 12 : Menjamin Hak Asasi Rakyat Berteraskan Perlembagaan Persekutuan

Melaksanakan dasar-dasar berkaitan hak asasi rakyat yang konsisten dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan perundangan antarabangsa yang dianggotai oleh Malaysia. Ini termasuklah memperkukuh kedaulatan undang-undang bagi melindungi kepentingan rakyat Malaysia sepertimana jaminan yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Rakyat berhak dilindungi daripada sebarang bentuk ancaman keselamatan baharu sebagai suatu jaminan kerajaan dalam melaksanakan tadbir urus negara. Proses pengukuhan pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang akan meletakkan keutamaan memelihara nyawa dan keselamatan rakyat. Ini termasuk melaksanakan semakan semua aspek perundangan yang mempunyai kewajaran untuk disesuaikan dengan persekitaran keselamatan semasa serta masa hadapan.

Peneraju Tindakan

Kementerian Dalam Negeri dan Agensi-agensi dibawahnya
Kementerian Perpaduan Negara
Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat
Kerajaan-kerajaan Negeri
Jabatan Peguan Negara
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Pihak Berkuasa Agama Negeri
Bahagian Hal-Ehwal Undang-undang, JPM



Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 13 : Memperkukuh Perpaduan Nasional

Mengukuhkan perpaduan nasional berteraskan kepada Perlembagaan Persekutuan bagi membentuk sebuah bangsa Malaysia yang mempunyai identiti yang sama walaupun mengamalkan kepelbagaian agama dan budaya.

Peneraju Tindakan

Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri
Kementerian Perpaduan Negara
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Agensi-agensi di bawahnya
Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat
Jabatan Penerangan Malaysia
Jabatan Penyiaran Malaysia
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Kerajaan-kerajaan Negeri



Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 14 : Perpaduan Melalui Pendidikan

Menyemai dan memupuk semangat dan kepentingan perpaduan di kalangan rakyat pelbagai kaum bermula dengan sistem pendidikan berteraskan kepada bahasa kebangsaan sebagai pengantar kebangsaan iaitu bahasa Melayu. Namun usaha penguasaan bahasa asing akan terus diperkukuh sejajar hasrat membentuk keupayaan warga Malaysia berinteraksi secara global dalam persekitaran komunikasi digital yang semakin mendominasi cara hidup. Penerimaan terhadap ilmu dan bidang baharu daripada sumber-sumber antarabangsa diraikan tanpa menjejaskan jati diri dan patriotisme di kalangan rakyat, khususnya di peringkat umur persekolahan. Pengukuhan pendidikan adalah pengukuhan kepada generasi akan datang.

Peneraju Tindakan

Kementerian Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Tinggi
Kementerian Belia dan Sukan
Kementerian Perpaduan Negara
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Majlis Amanah Rakyat
Institusi Pengajian Tinggi
Pentadbir Sekolah Awam dan Swasta
Persatuan Ibu Bapa dan Guru
Komuniti Tempatan

Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 15 : Memperkasa Semangat Patriotisme

Tanggungjawab memelihara keselamatan negara menuntut peranan setiap pihak melaksanakan fungsi tugas masing-masing. Pengurusan keselamatan bukan menjadi tanggungjawab pihak kerajaan semata-mata. Hubung kait perihal keselamatan tradisional dan bukan tradisional semakin kompleks sejajar perkembangan tamadun dunia. Isu dan ancaman keselamatan semakin bersifat merentas sektor di pelbagai peringkat pentadbiran kerajaan dan kehidupan rakyat. Justeru bagi menangani cabaran ini, konsep yang diadaptasi akan dikenali sebagai Keselamatan Menyeluruh (*Comprehensive Security*).

Peneraju Tindakan

Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri
Pusat Strategi Negara MKN, JPM
Seluruh Jentera Kerajaan
Segenap Lapisan Masyarakat





Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 16 : Kawalan dan Pencegahan Ideologi Bertentangan Norma Malaysia

Persekitaran globalisasi yang semakin menyebar luas sejajar perkembangan komunikasi serta capaian maklumat digital membawa pelbagai manfaat untuk kegunaan rakyat. Namun pada masa yang sama kemunculan ideologi baharu mahupun ideologi legasi yang ciri sifatnya bertentangan dengan norma acuan Malaysia perlu di pantau dan dicegah dari menular di dalam kalangan rakyat. Budaya negatif yang bertentangan dengan nilai-nilai Rukun Negara adalah ancaman kepada kedaulatan, keamanan dan kemakmuran negara. Pemantauan berterusan terhadap pertubuhan dan gerakan-gerakan yang melaksanakan aktiviti di dalam negara juga perlu diberi perhatian. Setiap aktiviti organisasi di dalam negara haruslah mematuhi Perlembagaan Pesekutuan serta undang-undang negara. Semangat berpersatuan dalam komuniti haruskan disemai dengan dan disesuaikan dengan kehendak-kehendak keselamatan, ketenteraman awam, keamanan, kebajikan dan sosio-budaya tempatan.

Peneraju Tindakan

Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri
Pusat Strategi Negara MKN, JPM
Seluruh Jentera Kerajaan
Segenap Lapisan Masyarakat

Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 17 : Memupuk Semangat Jatidiri

Memupuk perasaan cinta, bangga dan rasa tanggungjawab terhadap negara dalam kalangan rakyat melalui pendekatan Keselamatan Menyeluruh / Comprehensive Security (COMSEC) sebelum, semasa dan selepas sesuatu musibah berlaku.



Peneraju Tindakan

Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri

Angkatan Pertahanan Awam

Jabatan Sukarelawan Malaysia

Seluruh Jentera Kerajaan

Segenap Lapisan Masyarakat

Strategi Memelihara Teras Negara


Pernyataan Strategi 18 : Membudayakan Nilai Integriti

Mempertingkatkan usaha bagi memerangi gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa di semua peringkat dan sektor (awam atau swasta) melalui peruntukan undang-undang, peraturan, dan dasar.



Peneraju Tindakan

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Institut Integriti Malaysia
Jabatan Audit Negara
Seluruh Jentera Kerajaan
Segenap Lapisan Masyarakat



Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 19 : Membanteras Rasuah

Rasuah, salah guna kuasa dan salah laku integriti harus dibanteras. Ia merupakan musuh negara yang boleh meruntuhkan Malaysia. Rasuah, salah guna kuasa dan salah laku integriti tidak boleh dibiarkan berluasa atau Malaysia akan berhadapan kemusnahan teruk dalam segenap aspek. Usaha memerangi rasuah harus terus dilaksana dan dilakukan secara konsisten. Apa jua strategi, usaha, teknologi dan pendekatan memelihara keselamatan negara akan gagal jika elemen rasuah, salahguna kuasa dan perlakuan melanggar integriti berlaku dalam pentadbiran kerajaan, pentadbiran swasta dan tingkah laku masyarakat. Memerangi rasuah adalah usaha bersama setiap pihak.

Peneraju Tindakan

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Institut Integriti Malaysia
Jabatan Audit Negara
Seluruh Jentera Kerajaan
Seluruh Agensi Penguatkuasa Kerajaan Persekutuan
Seluruh Agensi Penguatkuasa Kerajaan Negeri
Segenap Lapisan Masyarakat

Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 20 : Integrasi Merentas Sektor dan Hierarki

Kompleksiti di dalam pengurusan keselamatan negara memperlihatkan tiada suatu entiti atau organisasi dapat bertindak secara bersendirian di dalam berhadapan situasi keselamatan negara. Justeru kunci kepada pengurusan keselamatan negara yang efektif dan efisien adalah pengendalian program dan aktiviti di setiap peringkat yang menjurus kearah perkongsian sumber manusia, perkongsian maklumat, perkongsian aset, perkongsian kepakaran serta penjajaran tindakan perundangan yang saling melengkapi.

Peneraju Tindakan

Seluruh Jentera Kerajaan
Segenap Lapisan Masyarakat





Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 21 : Membina Ketahanan Ekonomi

Memperkuhkan asas ekonomi negara untuk berhadapan persaingan ekonomi global selain mengekalkan keabsahan Kerajaan dalam pengurusan ekonomi negara tanpa dipengaruhi kuasa asing. Kepentingan ekonomi di luar negara perlu dilindungi bagi menyokong pertumbuhan ekonomi domestik. Pemeliharaan industri dan produk Malaysia untuk bersaing dengan adil di peringkat antarabangsa juga merupakan kepentingan strategik negara yang perlu diperkuhkan. Sekatan-sekatan pihak luar yang membentek perkembangan ekonomi Malaysia perlu diatasi melalui tindakan pelbagai pihak secara teratur dan bersepadu.

Peneraju Tindakan

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Kementerian Kewangan
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Bank Negara Malaysia
Kerajaan-kerajaan Negeri
Jabatan Kastam Di Raja Malaysia
Jabatan Statistik Malaysia
Unit Perancang Ekonomi

Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 22 : Merapatkan Jurang Sosio-Ekonomi

Memperbanyakkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, menambah baik ketidakseimbangan pendapatan antara kaum, mentransformasi luar bandar bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat, memperkasa komuniti untuk membina masyarakat yang produktif dan mampu menjana pendapatan sendiri serta memperkukuhkan infrastruktur luar bandar bagi menyokong pertumbuhan ekonomi penduduk

Peneraju Tindakan

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Kementerian Kewangan
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Kementerian Wilayah Persekutuan
Kerajaan-kerajaan Negeri
Jabatan Statistik Malaysia
Unit Perancang Ekonomi
Unit Penyelarasan Tindakan



Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 23 : Kawalan Pemilikan Strategik dan Kepentingan Negara

Persekitaran ekonomi antarabangsa membenarkan sebahagian besar urusan niaga dilaksanakan melibatkan pegangan saham terhadap pelbagai bentuk perniagaan. Sebahagian dari skop perniagaan ini mempunyai kepentingan-kepentingan strategik kepada negara. Justeru entiti perniagaan seumpama ini merupakan suatu bentuk kepentingan negara yang harus dipelihara hak milik mutlak negara melalui nisbah ekuiti dalam pegangan syarikat berkenaan haruslah dipertahankan.



Peneraju Tindakan

Pejabat Perdana Menteri
Kementerian Kewangan Malaysia
Khazanah Nasional
Bank Negara Malaysia
Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri
Pusat Strategi Negara MKN, JPM
Seluruh Jentera Kerajaan
Segenap Lapisan Masyarakat

Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 24 : Menguruskan Sumber-Sumber Asli Negara dengan Cepak dan Berkesan

Memperkemaskan mekanisme pengurusan sumber-sumber negara supaya kekayaan negara diguna pakai secara optimum dan pada masa yang sama menggalakkan pencarian kepada sumber-sumber alternatif bagi mengelakkan kebergantungan keterlaluan kepada sumber luar seterusnya menjamin kelangsungan negara.



Peneraju Tindakan

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Kementerian Kewangan
Kerajaan-kerajaan Negeri
Kementerian Tanah dan Sumber Asli dan Agensi dibawahnya
Kementerian Alam Sekitar dan Air dan Agensi dibawahnya
Jabatan Mineral dan Geo-Sains
Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Malaysia
Suruhanjaya Tenaga
Setiap Kerajaan Negeri dan Agensi dibawah kerajaan negeri

Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 25 : Memperkukuh Sekuriti Makanan

Keselamatan makanan di Malaysia merangkumi jaminan rantaian sekuriti makanan (*food security*) serta tindakan memastikan bahan-bahan makanan selamat untuk diambil oleh rakyat (*food safety*). Kedua-dua aspek ini saling berkait rapat dan mempunyai kesan langsung terhadap setiap individu di dalam negara ini. Usaha untuk memperkukuh keupayaan penghasilan dalam negara harus terus dilaksanakan untuk mengurangkan kebergantungan sumber makanan dari negara asing. Justeru langkah-langkah berkaitan perlu terus dilaksanakan dan disokong oleh setiap pihak. Malaysia harus memastikan sumber bekalan makanannya mencukupi, selamat dan dapat dinikmati secara adil oleh setiap pihak.

Peneraju Tindakan

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Agensi Dibawahnya
Kementerian Perladangan Utama dan Komoditi
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
Kementerian Kesihatan Malaysia
Setiap Kerajaan Negeri dan Agensi Dibawahnya
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia
Jabatan Pertanian
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
MAQIS, MAFI
FAMA, MAFI
Segenap Lapisan Masyarakat





Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 26 : Mengukuhkan Keselamatan dan Ketahanan Siber

Memastikan persekitaran siber yang selamat melalui pengurusan risiko yang komprehensif merangkumi pengukuhan keselamatan dan ketahanan terutama yang melibatkan infrastruktur maklumat kritikal negara.

Peneraju Tindakan

- Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri
- Agensi Keselamatan Siber Negara, MKN, JPM
- Kementerian Komunikasi dan Multi Media dan Agensi Di Bawahnya
- Kementerian Pertahanan dan Agensi dibawahnya
- Angkatan Tentera Malaysia
- Polis Di Raja Malaysia
- Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
- Suruhanjaya Multimedia Malaysia
- Pejabat Ketua Keselamatan Kerajaan
- Institusi Pengajian Tinggi Awam
- Sektor Swasta
- Segenap Lapisan Masyarakat

Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 27 : Pengukuhan Pengurusan Media Dan Pencegahan Maklumat Palsu

Meletakkan akauntabiliti setiap pihak di dalam menyebarkan maklumat secara meluas melalui arus perdana, media tradisional, media cetak, media sosial dan media alternatif agar perkara berkaitan penyelewengan fakta, berita palsu, fitnah, hasutan dan apa jua bentuk naratif yang menggugat kedaulatan, keamanan dan kesejahteraan negara terganggu. Interaksi dan persefahaman di antara pengamal media dan seluruh jentera Kerajaan harus dipupuk untuk membentuk matlamat masyarakat bermaklumat benar dapat dibentuk melalui perkongsian maklumat yang sahih, telus, jelas dan bermanfaat.



Peneraju Tindakan

Kementerian Komunikasi dan Multimedia
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Pengamal Media
Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri
Seluruh Jentera Kerajaan
Segenap Lapisan Masyarakat


Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 28 : Pengukuhan Budaya Persekitaran Digital

Teknologi komunikasi digital Revolusi Industri Ke-4 telah membentuk pemikiran, tingkah laku dan cara manusia berinteraksi dalam persekitaran kehidupan seharian. Penggunaan teknologi dan material digital mempengaruhi kehidupan hampir kesemua individu di dalam negara. Pelbagai bentuk aplikasi, media sosial, dan bahan kandungan digital adalah bersumber dari serata dunia. Ia turut membawa pengaruh dan budaya asing yang cuba ditrapkan di dalam minda masyarakat global. Penerimaan budaya global diiktiraf penting, namun harus ada kawalan yang bertujuan memberi impak positif dalam memelihara nilai-nilai negara. Justeru amat penting, pembudayaan persekitaran digital ini dilakukan bersesuaian dengan acuan Malaysia. Pembudayaan persekitaran digital acuan Malaysia amat penting untuk memastikan jati diri, identiti, kesetiaan dan semangat cintakan negara tidak luntur.

Peneraju Tindakan

Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri
Kementerian Komunikasi dan Multimedia
Jabatan Penyiaran
Jabatan Penerangan
Pusat Strategi Negara MKN, JPM
Seluruh Jentera Kerajaan
Segenap Lapisan Masyarakat





Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 29 : Melaksanakan Pembangunan Mampan

Melaksanakan dasar-dasar pembangunan dengan mengambil kira keperluan sedia ada dan masa hadapan merangkumi aspek-aspek keselamatan, ekologi dan demografi. Kesedaran masyarakat serta semua pihak yang berkepentingan mengenai kaitan pembangunan mampan dengan keselamatan negara perlu dipertingkatkan.

Peneraju Tindakan

- Kementerian Kerja Raya dan Agensi dibawahnya
- Kementerian Tanah dan Sumber Asli dan Agensi dibawahnya
- Kementerian Alam Sekitar dan Air dan Agensi dibawahnya
- Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi dan Agensi dibawahnya
- Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komuniti
- Kementerian Pengangkutan dan Agensi dibawahnya
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Setiap Kerajaan Negeri dan Agensi dibawah kerajaan negeri
- PLAN Malaysia
- Pusat Geospasial Negara
- Agensi Angkasa Malaysia
- Agensi Pengurusan Bencana Negara
- Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
- Jabatan Pengairan dan Saliran
- Pentadbiran Daerah / Bahagian
- Pihak Berkuasa Tempatan
- SegeNap Lapisan Masyarakat



Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 30 : Pengurusan Menyeluruh Sumber Tenaga dan Bekalan Air

Pengurusan menyeluruh sumber asli negara adalah penting dan perlu dilakukan secara kolektif oleh pelbagai pihak. Melalui tindakan menyeluruh, bersepadu dan terintegrasi jaminan terhadap keselamatan tenaga, air dan pengurusan mineral negara dapat dilakukan dengan berkesan.

Peneraju Tindakan

Kementerian Tanah dan Sumber Asli dan Agensi dibawahnya
Kementerian Alam Sekitar dan Air dan Agensi dibawahnya
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Setiap Kerajaan Negeri dan Agensi dibawah kerajaan negeri
Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
Suruhanjaya Tenaga
Jabatan Pengairan dan Saliran
Pentadbiran Daerah / Bahagian
Pihak Berkuasa Tempatan
Segenap Lapisan Masyarakat

Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 31 : Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat

Meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat dengan menyediakan penyampaian perkhidmatan yang menyeluruh dan persekitaran yang selamat dan sihat. Pada masa yang sama, rakyat perlu bertanggungjawab dan berperanan dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan negara sentiasa terpelihara.



Peneraju Tindakan

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
Pihak Berkuasa Tempatan
Seluruh Jentera Kerajaan
Segenap Lapisan Masyarakat

Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 32: Mempertingkatkan Ketahanan Rakyat

Tanggungjawab menjaga keselamatan rakyat tidak hanya terletak kepada entiti Kerajaan. Penglibatan rakyat adalah penting sebagai sebahagian dari keupayaan Malaysia memelihara kedaulatan, keamanan dan kemakmurannya. Melalui pengukuhan tindakan diperingkat komuniti serta memperkukuh program dan aktiviti kesukarelawanan, ketahanan rakyat dapat di bentuk untuk saling berganding bahu memelihara negara.

Peneraju Tindakan

Jabatan Perdana Menteri
Setiap Kerajaan Negeri
Jabatan Penerangan Malaysia
Agensi Pengurusan Bencana Malaysia
Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
Jabatan Sukarelawan Rakyat
Eastern Sabah Security Command
Pentabiran Daerah / Bahagian / Jajahan
Pihak Berkuasa Tempatan
Komuniti Masyarakat
Seluruh Warganegara Malaysia



ANDA KINI ADALAH FRONTLINER...



*AN NORMA BAHARU DALAM KOMUNITI

Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 33 : Pemulihan Menyeluruh Pasca Pandemik

Krisis Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia pada tahun 2020 merupakan suatu ujian getir kepada Malaysia. Impak negatif terhadap kelangsungan kehidupan setiap pihak dalam negara perlu di pulihkan kembali melalui tindakan seimbang dari aspek nyawa dan kehidupan (*life & livelihood*).

Peneraju Tindakan

Kementerian Kesihatan Malaysia
Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri
Seluruh Jentera Kerajaan
Seluruh Lapisan Masyarakat




Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 34 : Memperkukuh Keupayaan Diplomasi

Malaysia terkenal sebagai sebuah negara yang sentiasa melaksanakan tindakan diplomasi dalam interaksinya di persada antarabangsa. Keupayaan diplomasi antarabangsa Malaysia diiktiraf dunia dan sering dijadikan rujukan. Keupayaan diplomasi ini harus terus diperkukuh agar Malaysia sentiasa berkemampuan memelihara kepentingannya dalam sebarang bentuk interaksi dan perundingan di peringkat antarabangsa. Keupayaan memelihara kepentingan negara melalui saluran diplomatik akan terus menjadi teras Dasar Luar Malaysia. Justeru bagi memastikan ia dapat dikekalkan dan diperkukuh, usaha-usaha berterusan mempertingkatkan kapasiti dan kompetensi seluruh jentera Kerajaan perlu dilaksanakan bagi tujuan ini. Pelaksanaan dan amalan diplomasi oleh Malaysia yang bersifat *nuanced diplomacy* perlu dipertahankan berbanding dengan amalan *megaphone diplomacy* seperti yang diamalkan oleh sesetengah negara. Ia berpaksikan kepada pematuhan prinsip-prinsip sejagat dan dilaksanakan dengan penuh kesederhaan (*moderate*) yang membolehkan amalan diplomasi itu diterima banyak pihak dan seterusnya menengahkan Malaysia sebagai negara sahabat yang berwibawa (*credible*) dan boleh dipercayai.

Peneraju Tindakan

Kementerian Luar Negeri
Seluruh Jentera Kerajaan
Sege nap Lapisan Masyarakat



Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 35 : Mengukuhkan Kerjasama Serantau

Memastikan elemen kerjasama serantau dalam memelihara serta mempertahankan nilai-nilai teras negara seperti kedaulatan dan keutuhan wilayah, dan kestabilan sosiopolitik. Di peringkat serantau, Malaysia aktif menggunakan platform ASEAN untuk menguruskan pelbagai konflik serantau. ASEAN yang menjadi asas dan tunjang Dasar Luar Malaysia meletakkan prinsip ini sebagai keutamaan dalam jalinan hubungannya dengan negara – negara asing. Kepentingan strategik ASEAN dalam semua bidang adalah sesuatu yang tidak dapat disangkalkan. Pada masa yang sama, ASEAN turut menyediakan mekanisme lain bagi Malaysia untuk menjalinkan hubungan yang lebih akrab bersama dengan kuasa utama dunia yang lain yang menjadi rakan dialog ASEAN. Pendekatan serampang dua mata (*two-pronged approach*) ini telah membuka peluang kepada Malaysia untuk kekal stabil, kuat dan bebas serta disokong dengan pendirian “tidak berpihak” yang turut menyumbang kepada neutraliti serantau.

Peneraju Tindakan

Kementerian Luar Negeri Negeri

Kementerian Pertahanan

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Perwakilan Malaysia di Luar Negara



Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 36 : Penguksuhan Imej dan Jenama Malaysia

Imej dan jenama Malaysia harus terus dipertingkatkan kuantiti dan kualitinya di persada antarabangsa. Usaha sama penguksuhan imej dan jenama Malaysia ini perlu dilakukan secara berterusan sebagai suatu promosi positif terhadap negara. Perihal-perihal negatif yang dilempar kepada Malaysia harus segera dibersihkan dan di sambut dengan naratif-naratif yang membina keyakinan dan sokongan antarabangsa. Semangat patriotisme turut boleh disemai dengan memberi sokongan terhadap produk-produk jenama negara oleh setiap rakyat. Melalui sokongan dan dokongan seumpamanya, imej negara akan dapat diperkukuh di mata dunia.

Peneraju Tindakan

Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Kementerian Luar Negeri
Kementerian Pelancongan Malaysia
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Perwakilan & Rakyat Malaysia di Luar Negara
Sektor Swasta
Seluruh Lapisan Masyarakat



Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 37 : Pembudayaan Pemikiran Strategik

Malaysia sedang berhadapan cabaran besar dalam menguruskan negara secara menyeluruh. Pelbagai ancaman kepada keselamatan negara sedang dan berpotensi untuk dihadapi. Justeru adalah penting dalam setiap perancangan institusi negara, baik oleh jentera Kerajaan, entiti swasta, komuniti malahan individu harus menerapkan nilai-nilai pemikiran strategik dalam setiap perancangan dan tindakan. Melalui pengenalan kepada konsep Keselamatan Menyeluruh yang diperkenalkan ini, usaha membentuk pemikiran strategik dapat diterapkan kepada setiap pihak.

Peneraju Tindakan

Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri
Pusat Strategi Negara MKN, JPM
Jabatan Perkhidmatan Awam
Institut Tadbiran Awam Negara

Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 38 : Perneriksaan Komuniti dan Semangat Kesukarelawanan

Kebersamaan seluruh lapisan masyarakat untuk menggembeling tenaga bersama dengan jentera Kerajaan di dalam berhadapan situasi pengurusan krisis dan bencana perlu dipertingkatkan. Usaha menggalakkan komuniti memainkan peranan wajar menjadi salah satu usaha bersepadu sebagai pendekatan menangani keselamatan negara secara bersama. Semangat kesukarelawanan perlu dipupuk di kalangan rakyat agar turut sama dapat menyumbang di dalam memelihara keselamatan negara.



Peneraju Tindakan

Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri
Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional
Jabatan Sukarelawan Malaysia
Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
Seluruh Jentera Kerajaan
NGO / CSO / Komuniti
Sege nap Lapisan Masyarakat

Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 39 : Pembentukan Minda Keselamatan

Membentuk minda keselamatan bermula di peringkat awal. Ia juga merupakan suatu proses yang berterusan. Justeru baik generasi muda, generasi umur pertengahan, mahupun generasi veteran, pembentukan minda keselamatan amat penting agar setiap pihak memahami tanggungjawab masing-masing kepada negara.

Pengukuhan semangat patriotism adalah suatu proses yang perlu dilaksanakan secara konsisten dan melibatkan setiap pihak. Melalui pengenalan kepada Konsep Keselamatan Menyeluruh, pembentukan minda keselamatan ini dapat dijana untuk diterapkan di dalam segenap lapisan masyarakat.

Peneraju Tindakan

Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri
Kementerian Komunikasi dan Multimedia
Kementerian Pelajaran Malaysia
Kementerian Pengajian Tinggi
Jabatan Penerangan
Pusat Strategi Negara MKN, JPM
Seluruh Jentera Kerajaan
Segenap Lapisan Masyarakat



Strategi Memelihara Teras Negara

Pernyataan Strategi 40 : Pembudayaan Keselamatan Menyeluruh


Tanggungjawab memelihara keselamatan negara menuntut peranan setiap pihak melaksanakan fungsi tugas masing-masing. Pengurusan keselamatan tidak menjadi tanggungjawab pihak Kerajaan semata-mata. Hubung kait perihal keselamatan tradisional dan bukan tradisional semakin kompleks sejajar perkembangan tamadun dunia. Isu dan ancaman keselamatan semakin bersifat merentas sektor di pelbagai peringkat pentadbiran Kerajaan dan kehidupan rakyat. Justeru dalam menangani cabaran ini, konsep yang diadaptasi akan dikenali sebagai Keselamatan Menyeluruh (*Comprehensive Security*). Pembudayaan keselamatan menyeluruh ini akan dilaksanakan di setiap peringkat lapisan masyarakat di dalam pelbagai sektor kehidupan. Ia bakal menjadi teras kekuatan kepada negara di dalam menghadapi apa jua cabaran pada masa hadapan.

Peneraju Tindakan

Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri
Pusat Strategi Negara MKN, JPM
Seluruh Jentera Kerajaan
Segekap Lapisan Masyarakat




Pelan Tindakan Pelaksanaan Strategi Memelihara Teras Negara



BAHAGIAN VI : INDEKS KESELAMATAN KEBANGSAAN

DASAR KESELAMATAN NEGARA
2021-2025



PENILAIAN SEMBILAN NILAI TERAS



PENILAIAN PERSEPSI AWAM



INDEKS KESELAMATAN KEBANGSAAN

Indeks Keselamatan Kebangsaan

Indeks Keselamatan Kebangsaan (IKK) merupakan suatu bentuk kaedah pengukuran keberkesanan pelaksanaan dasar dan tindakan berkaitan pengurusan keselamatan negara secara menyeluruh yang merentas pelbagai sektor. Melalui IKK, setiap 9 Nilai Teras Negara akan di nilai menggunakan suatu kaedah pengukuran yang menepati persekitaran dan landskap keselamatan di Malaysia.

Selain dari pengukuran terhadap 9 Nilai Teras Keselamatan Negara, suatu pengukuran melalui penilaian persepsi oleh masyarakat umum akan turut dilaksanakan bagi tujuan mendapatkan input tentang pandangan masyarakat. Ia akan memberi nilai semak dan imbang dalam mengukur tahap keselamatan negara secara lebih menyeluruh dah telus.

Dalam melaksanakan pengukuran ini, suatu badan bebas akan dilantik dan dipertanggungjawabkan melaksanakan kajian serta tinjauan umum secara tahunan. Badan bebas ini akan melaksanakan tugasannya bermula di tahun 2021 dan akvititi penilaian tahunan akan dapat dilaksanakan dan dikongsikan kepada umum bagi tujuan memelihara integriti dan akauntabiliti seluruh jentera Kerajaan. Ia merupakan manisfestasi dan komitmen Kerajaan dalam memastikan akauntabiliti dan integriti merupakan agenda utama dalam apa juga perancangan dan pelaksanaan yang dilakukan kerajaan.



Penilaian pencapaian pelaksanaan Dasar Keselamatan Negara serta strategi-strategi yang di rancang akan dapat dinilai dengan adil, telus dengan jaminan integriti serta akauntabiliti kepada seluruh rakyat Malaysia. Melalui Indeks Keselamatan Kebangsaan, tahap persekitaran situasi keselamatan negara dapat diukur secara menyeluruh dan mencerminkan suasana sebenar berdasarkan keupayaan memelihara sembilan teras keselamatan negara.

BAHAGIAN VII : RUMUSAN

**DASAR KESELAMATAN NEGARA
2021-2025**

JATA NEGARA

Bintang 14 Bucu:

Melambangkan 13 negeri dalam Persekutuan Malaysia dan Wilayah Persekutuan

Empat Jalur:

Perlambangan empat Negeri Melayu Bersekutu merangkumi Pahang, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan

Lambang Pokok Pinang:

Mewakili negeri Pulau Pinang

Jata Negeri Sabah:

Mewakili negeri Sabah



Bulan dan Bintang:

Perlambangan Islam selaku Agama Rasmi Persekutuan Malaysia

Warga Kuning:

Melambangkan Malaysia negara yang dinaungi kedaulatannya melalui sistem Raja Berpelembagaan

Lima Bilah Keris:

Mewakili lima Negeri Melayu Tidak Bersekutu merangkumi Kedah, Johor, Terengganu, Kelantan dan Perlis

Lambang Pokok Melaka:

Mewakili Negeri Melaka

Jata Negeri Sarawak:

Mewakili Negeri Sarawak

Dua Harimau Berjuang:

Melambangkan keberanian, kegagahan dan kekuatan. Ini turut mencerminkan anak watan yang sanggup memastikan Malaysia kekal merdeka, berdaulat, aman dan sejahtera

Slogan Bersekutu Bertambah Mutu:

Perlambangan Malaysia sebagai sebuah negara persekutuan yang bernaung dengan jaminan Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi negara.


Bunga Raya:

Bunga Rasmi Persekutuan Malaysia yang mencerminkan rakyatnya yang majmuk hidup rukun damai dan mengamalkan prinsip-prinsip Rukunegara, cerminan diwakili lima kuntum Bunga Raya

Rumusan

Dasar Keselamatan Negara 2021–2025 merupakan suatu dokumen strategik yang menyatakan dengan komprehensif bagaimana Persekutuan Malaysia menyediakan suatu perancangan strategik di dalam berhadapan cabaran–cabaran pengurusan keselamatan semasa dan akan datang. Ia memberikan ruang dan peluang kepada penyediaan pelbagai dasar, strategi dan pelan tindakan merentas sektor di dalam memastikan kemerdekaan Malaysia dipertahankan. Melalui pernyataan di dalam Falsafah Keselamatan Negara yang diperkenalkan di dalam dokumen ini, segenap lapisan masyarakat akan dapat memahami, menjiwai dan memainkan peranan masing–masing sejajar aspirasi nasional akan Keselamatan Negara Tanggungjawab Bersama. Justeru di dalam menelusuri liku–liku mentadbir negara secara bersama sebagai suatu Pasukan Malaysia, setiap pihak mempunyai peranan dan fungsi tugas masing–masing sejajar konsep Keselamatan Menyeluruh yang diperkenalkan. Kebersamaan seluruh rakyat di dalam Persekutuan Malaysia di dalam memastikan negara ini kekal berdaulat, aman dan sejahtera adalah teras kekuatan kepada keselamatan negara. Bersekutu Bertambah Mutu. Semoga usaha ini akan terus di permudah dibawah naungan yang Maha Esa.

Falsafah Keselamatan Negara



"Keselamatan Negara Merupakan Suatu Usaha Berterusan, Seimbang dan Menyeluruh Di Dalam Memastikan Persekutuan Malaysia Kekal Wujud Sebagai Sebuah Negara Yang Berdaulat, Aman dan Sejahtera"





Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 Julai 1971, telah bersetuju dengan Memorandum Billangan 83/750/71 dari YAB Perdana Menteri, bertajuk “Penubuhan Sebuah Majlis Keselamatan Negara” (*The Establishment of a National Security Council*). Ia merupakan suatu detik bersejarah kepada negara apabila institusi Majlis Keselamatan Negara ditubuhkan bagi menerajui pengurusan keselamatan negara. Pada 31 Julai 1971, Arahan Majlis Keselamatan Negara No.1 “Penubuhan Majlis Keselamatan” telah ditandatangani. Justeru, pelancaran Dasar Keselamatan Negara 2021–2025 ini dalam suasana sambutan ulang tahun ke-50 Majlis Keselamatan Negara adalah amat signifikan yang mencerminkan legasi pemikiran hebat negarawan–negarawan Malaysia demi memastikan negara bertuah ini kekal berdaulat, aman dan sejahtera.



*Tun Haji Abdul Razak B. Dato' Hussein
Pengerusi Pertama Majlis Keselamatan Negara*



KESELAMATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Disediakan Oleh



Majlis Keselamatan Negara,
Jabatan Perdana Menteri